

# MEDIA WARGA KOTA

# wilayah Ku

BIL 152 ● 28 JANUARI - 3 FEBRUARI 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

@wilayahku.com.my | Wilayahku | @akhbarwilayahku | Wilayahku | WK TV

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

## Kalendar Hari Wilayah Persekutuan 2022

**Hari Wilayah Persekutuan 2022**

- 15 Jan - 28 Feb:** Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan
- 16 Jan:** KL Car Free Morning SHWP
- 19 Jan - 28 Feb:** SHWP 2022 TikTok Challenge
- 30 Jan - 28 Feb:** Program Pencahayaan WP
- 1 Feb:** Perasmian Jubli Emas WPKL
- 4, 11, 18 & 25 Feb:** Khutbah Jumaat Khas SHWP 2022
- 3 Feb:** Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat
- 5 Feb:** Festival KL Genta
- 7 - 9 Feb:** Kelas Digital SPM YWP
- 8 Feb:** Istiadat Pengurniaan DBKPW 2022
- 9 Feb:** Ramah Mesra Bersama Koperasi Kipidap Malaysia
- 10 Feb:** Forum Perdana SHWP 2022 & Jubli Emas KL
- 12 Feb:** Kenduri Wilayah Persekutuan KL
- 13 - 28 Feb:** Pertandingan Keceriaan Berculuk Semua Kampung
- 18 Feb:** Battle Of The Band
- 19 Feb:** Kejohanan Futsal Piala Menteri WP
- 19 - 20 Feb:** Kejohanan Esports
- 24 Feb:** Semarak Kasih Bersama Pelajar Tahfiz
- 15 Feb:** Penyerahan Trak MyGrocer@Wilayah
- 16 Feb:** Semarak Kasih Bersama Pelajar Tahfiz
- 17 Feb:** Festival Ohh Kuala LumpurKu - Sun Rakyat
- 18 - 20 Feb:** Festival Ohh Kuala LumpurKu - Sun Rakyat
- 19 Feb:** Semarak Kasih Bersama Pelajar Tahfiz
- 20 Feb:** Mini Koncert SHWP 2022
- 21 Feb:** Semarak Kasih Bersama Pelajar Tahfiz
- 22 Feb:** Fiesta Espot Usahawan Anak Muda Kota @ BTS
- 23 Feb:** Perasmian Medan Selera Singgang @ Damai
- 24 - 27 Feb:** SHWP Carboot Sale & Food Truck @ KL
- 25 - 27 Feb:** Kejohanan Muay Thai WP
- 26 Feb:** Program Memancing Pesisir Pantai
- 27 Feb:** Labuan Team Time Trial Wilayah Day
- 28 Feb:** Program Derma Darah UTC Sentul

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

- 15 Jan - 1 Feb:** Pertandingan Kibar Bendera WP Peringkat Putrajaya
- 15 Jan - 28 Feb:** Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan
- 19 Jan - 28 Feb:** SHWP 2022 TikTok Challenge
- 23 Jan:** Larian Bendera SHWP 2022
- 26 Jan:** Sambutan Hari Wilayah Persekutuan & Pelancaran Bulan Pencahayaan WP Putrajaya
- 7 - 9 Feb:** Kelas Digital SPM YWP
- 4 - 6 Feb:** Kejohanan Antara Regu Sepak Takraw, Putrajaya
- 4, 11, 18 & 25 Feb:** Khutbah Jumaat Khas SHWP 2022
- 1 - 15 Feb:** Pertandingan Melukis Doodle@WP
- 1, 10, 17 & 24 Feb:** Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat
- 30 Jan - 28 Feb:** Program Pencahayaan WP
- 12 - 13 Feb:** Mini Karnival Usahawan Muda Kota @ Presint 9
- 13 Feb:** Kejohanan Futsal Piala Menteri WP
- 17 Feb:** Pelancaran Sistem e-Tanah & e-Billing WP Putrajaya & Labuan
- 19 Feb:** Program Singgah Seni SHWP
- 21 Feb:** Semarak Kasih Bersama Ibu Tunggal
- 24 Feb:** Bazar Kebun Komuniti WP Anjung Floria, Presint 4
- 28 Feb:** Program Derma Darah
- 25 - 27 Feb:** Karnival Sukan Air

**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

- 15 Jan - 28 Feb:** Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan
- 19 Jan - 28 Feb:** SHWP 2022 TikTok Challenge
- 30 Jan - 28 Feb:** Program Pencahayaan WP
- 1, 10, 17 & 24 Feb:** Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat
- 3 Feb:** Pertandingan Mewarna Berkeluarga
- 5 Feb:** Kejohanan Petanque
- 5 - 6 Feb:** Zumba Perpaduan SHWP PRT Batu Arang
- 4, 11, 18 & 25 Feb:** Khutbah Jumaat Khas SHWP 2022
- 3 - 4 Feb:** Kempen Kibar Bendera & Pameran Keluarga Malaysia @ Kompleks Ujana Kewangan
- 19 Feb:** Kejohanan Futsal Piala Menteri WP
- 19 - 20 Feb:** Kejohanan Esports
- 24 Feb:** Semarak Kasih Bersama Pelajar Tahfiz
- 26 - 27 Feb:** Citra Budaya Muzikal
- 26 Feb:** Program Memancing Pesisir Pantai
- 27 Feb:** Labuan Team Time Trial Wilayah Day
- 26 Feb:** Eksplorasi Wilayah
- 27 Feb:** Paintball SHWP
- 26 Feb:** Golf Persahabatan
- 26 Feb:** Karnival Sukan Pantai
- 27 Feb:** Citra Budaya Muzikal
- 28 Feb:** Program Derma Darah UTC Sentul



Merangkumi enam teras utama, libat semua lapisan masyarakat

# KWP atur 65 program hiasi SHWP 2022

AZLAN ZAMBRY

**S**AMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 yang bakal disambut pada 1 Februari ini akan diisi dengan 65 program yang khusus untuk semua lapisan masyarakat.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, program tersebut telah mula dilaksanakan sepanjang Januari dan Februari ini bagi merancakkan lagi SHWP tahun ini.

"Sebanyak 65 program telah disusun atur sebagai pengisian SHWP 2022, yang khusus untuk semua lapisan masyarakat, daripada kanak-kanak, belia, dewasa dan juga keluarga."

"Aktiviti-aktiviti itu merangkumi enam teras utama iaitu Pengiktirafan; Ilmiah & Pendidikan; Usahawan; Kemasyarakatan; Seni & Budaya; serta Sukan," katanya keti-

ka berucap dalam Perhimpunan Bulanan KWP di Putrajaya pada Isnin.

Hadir sama, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Menurut Shahidan, pihaknya akan menganjurkan program berasingan bagi Sambutan Jubli Emas Bandaraya Kuala Lumpur yang turut disambut pada tarikh yang sama.

Ia termasuk di dalam pengisiannya dan kita telah berbincang yang akan melibatkan sentuhan negeri-negeri dalam negara.

"Negeri-negeri ada makanan atau juadah istimewa tersendiri dan kebudayaan yang boleh dipersembahkan. Jadi ada hotel-hotel yang akan memperkenalkannya."

"Sebagai contoh, kemungkinan akan diadakan persembahan men-



SHAHIDAN (empat kanan) bersama timbalannya, Datuk Seri Jalaluddin Alias (lima kanan) dan Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar (tiga kanan) di Perhimpunan Bulanan KWP dan Agensi 2022 pada Isnin.

genai Hari Negeri Sembilan dan akan menunjukkan masakan istimewa dan mempersembahkan tarian kebudayaan negeri

tersebut.

"Kemudian ia mungkin diikuti dengan negeri Perlis yang terkenal dengan keenakan air nira dan laksa, gulai ikan keli dan juga tarian canggung," ujar beliau.

Jelasnya, konsep sentuhan negeri dalam meraikan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur diadakan disebabkan ramai penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang datang dari semua negeri.

"Memandangkan bandar raya ini merupakan ibu negara Malaysia dan semua warga negara Malaysia di seluruh negara berhak untuk bersama-sama meraikan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur," katanya.

Beliau juga merancang untuk memperkenalkan program sentuhan negara-negara luar bagi memeriahkan lagi SHWP 2022 dan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur. **WK**

## Jalaluddin ketuai konvoi KL-Arau sempena Jubli Emas Bandar Raya KL

**TIMBALAN** Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** mengetuai lebih 50 peserta konvoi bermotosikal berkuasa tinggi sempena ulang tahun ke-50 pengisian Kuala Lumpur sebagai bandar raya pertama di Malaysia mulai hari ini dan dijangka tamat pada Ahad (23 Januari).

Jalaluddin berkata, konvoi yang dinamakan 'Golden Ride' Kuala Lumpur - Arau 2022 itu merupakan pra Sambutan Jubli Emas

Bandar Raya Kuala Lumpur yang bermula dari Dataran Merdeka hingga Arau, Perlis melibatkan perjalanan sejauh 464 kilometer (km).

"Konvoi ini melambangkan atau membawa signifikan kepada sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur 2022 yang turut disambut pada 1 Februari ini."

"Sepanjang konvoi ini, kami turut menjalankan pelbagai program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu masyarakat yang terkesan tertamanya golongan asnaf dan B40 yang telah dikenal pasti," katanya kepada pemberita selepas melancarkan konvoi tersebut, pada Jumaat lalu.

Program *Golden Ride* Kuala Lumpur - Arau 2022 itu dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan.



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kiri) bersama Jalaluddin (kanan) pada simbolik penutup Program Konvoi KL Golden Ride 2022 Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur di Menara KL.

Persekutuan.

Turut serta dalam konvoi tersebut, Pengerusi SW Corp, Datuk Rizalman Mokhtar yang juga Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak dan Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun.

Konvoi bermotosikal itu dilepaskan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah pada 8.15 pagi.

Pada masa sama, Jalaluddin berkata, untuk penganjuran masa hadapan, beliau menyasarkan konvoi seumpama itu boleh menjadikan beberapa kawasan bertaraf bandar raya bagi menyemarakkan lagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

"Saya berharap agar program konvoi seumpama ini boleh diperluaskan lagi ke negeri-negeri di selatan tanah air dan Pantai Timur," katanya.

Dalam pada itu, Mahadi berkata *Golden Ride* Kuala Lumpur - Arau 2022 merupakan program pembukaan kalender Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur 2022 yang akan berlangsung mulai Februari hingga Jun depan.

"Dengan adanya program seperti ini, saya percaya ia akan membangkitkan semangat kita untuk menyambut ulang tahun Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya sekali gus mempromosikannya kepada seluruh rakyat Malaysia dengan lebih meluas," katanya. **WK**



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim diiringi Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Tahun Baru Cina Wilayah Persekutuan Putrajaya di Laman Ixora, Presint 8, Putrajaya.

## Komuniti Tionghua Putrajaya terima sumbangan Tahun Baru Cina

HAZIRAH HALIM

**SAMBUTAN** Tahun Baru Cina yang bakal menjelang tidak lama lagi dimeriahkan dengan pemberian sumbangan buah limau dan wang tunai kepada komuniti Cina di Wilayah Persekutuan Putrajaya, pada Rabu.

Penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** bersama agensi dibawahnya iaitu Perbadanan Putrajaya (PPj), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Yayasan Wilayah Persekutuan.

"Seramai 38 keluarga hari ini dipilih menerima bantuan melalui Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Putrajaya."

"Selain sumbangan buah limau mandarin, mereka juga menerima bantuan wang tunai

sebanyak rm150," katanya dalam Majlis Penyampaian sumbangan sempena Tahun Baru Cina peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya tahun 2022 di Laman Exora, Presint 8, pada Rabu.

Menurutnya, pemberian sumbangan ini merupakan satu usaha KWP bersama agensi mendekati warga Putrajaya berbangsa Tionghua dan sekali gus memberi keceriaan kepada mereka untuk meraikan perayaan ini serta mengeratkan perpaduan kaum masyarakat Malaysia.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Naib Presiden Kanan Perbadanan Putrajaya, Datuk Fadhlun Mak Ujud Ketua Pegawai Eksekutif YWP, Datuk Zaizalnizam Zainun serta Pengerusi MPP Putrajaya. **WK**

Komitmen berterusan membanteras rasuah, mantapkan integriti warga kementerian

# Pelan Antirasuah KWP, agensi dilancar

AZLAN ZAMBRY

**P**ELAN Antirasuah Organisasi (OACP) peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan agensi telah dilancarkan sebagai usaha untuk membanteras budaya dan amalan rasuah dalam kalangan warga kementerian.

Bercakap mengenainya, Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, pelan tersebut telah digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan OACP.

"Ia selaras dengan arahan Perdana Menteri No 1 Tahun 2018 Siri 2, No 1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia," katanya ketika berucap dalam Perhimpunan Bulanan KWP pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Setiausaha

KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) Datuk Muhammad Yasir Yahya, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) Dr Hasnul Faizal Hushin Amri.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Datuk Zaizalnizam Zainun, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) Datuk TPr Lokman Abdullah, Pemangku Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) Rithuan Mohd Ismail.

Menurut Shahidan, inisiatif penambahbaikan yang berimpak tinggi di dalam pelan ini pula adalah pelaksanaan pusingan kerja bagi jawatan berisiko dan sensitif untuk mengelakkan pelanggaran



SHAHIDAN (tengah) menyampaikan dokumen Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah (dua dari kanan) selepas Perhimpunan Bulanan KWP pada Isnin.

integriti (conflict of interest). "Pihak kementerian dan agen-

si sentiasa mengoptimumkan inovasi teknologi dalam proses ker-

ja bagi mengurangkan birokrasi dan memudahkan interaksi dengan orang awam.

"Contoh sistem dalam talian yang dibangunkan adalah Portal Residensi Wilayah, e-lesen, adu@KL dan e-Tanah," katanya.

Ujarnya, usaha membangunkan OACP secara serentak oleh Kementerian dan agensi dibawahnya menunjukkan komitmen pengurusan tertinggi yang sentiasa berusaha untuk memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa telus dan berintegriti.

"Polisi antirasuah KWP merupakan sebahagian daripada OACP telah mengambil kira perkara penting untuk menekan rasuah dan salah guna kuasa.

"Komitmen mengenai pemahaman undang-undang, penerapan elemen antirasuah dalam pengubahan dasar dan pendidikan bagi memantapkan integriti dalam diri penjawat awam telah ditetapkan dalam polisi tersebut," katanya. WK

## Kerajaan akan baik pulih, ganti bumbung di rumah pangsa Taman Melati



SHAHIDAN menyerahkan sumbangan duit raya sempena Tahun Baru Cina kepada golongan asnaf.

KERAJAAN akan melaksanakan kerja-kerja pembakaan dan penggantian bumbung baharu di empat buah rumah pangsa di Taman Melati yang rosak dipukul ribut petang Isnin.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata, kejadian tersebut dikelaskan sebagai bencana dan kerajaan akan melaksanakan kerja pembakaan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri sewaktu banjir yang berlaku pada Disember tahun lalu.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob telah sebut ia sebagai bencana dan kita di Kuala Lumpur ini bencana yang terlibat adalah tanah runuh, banjir. Jadi yang terbaru ini adalah ribut yang

turut dikelaskan sebagai bencana dan insya-Allah kita akan menjalankan baik pulih di semua kawasan yang terlibat," katanya dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Bantuan Tahun Baru Cina di Sentul di sini pada Selasa.

Hadir sama, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Pengurus Yayasan Batu, Datuk Yahaya@Abbas Mat Ghani.

Menjelas lanjut, Shahidan berkata, untuk beberapa tempoh tertentu, penduduk yang terjejas akan ditempatkan di rumah transit milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sementara kerosakan tersebut dibaiki.

"Pihak Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) telah memberikan bantuan makan malam, sarapan

dan tengah hari untuk 200 orang yang terlibat dan sebarang keperluan akan disalurkan dari semasa ke semasa," katanya.

Dalam kejadian pada petang itu, empat blok rumah pangsa di Taman Melati yang melibatkan 40 unit rumah dari Blok A13, A14, A15 dan A16 mengalami kerosakan akibat angin kencang dan hujan lebat.

Terdahulu, Shahidan menyerahkan bantuan kepada 200 golongan asnaf dan miskin yang terdiri dari orang kelainan upaya (OKU), warga emas, ibu tunggal dan golongan miskin bandar yang menetap di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) sebagai persiapan menyambut Tahun Baru Cina. WK

## YWP sedia kren, bantu bomba keluarkan serpihan bumbung pangsapuri

CUACA panas terik pada tengah hari Isnin di Taman Melati rupanya petanda kejadian hujan lebat dan angin kencang yang menyebabkan bumbung 40 unit buah rumah pangsapuri di situ terpelanting diterbangkan angin.

Kerosakan serius itu menyebabkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) terpaksa menyediakan kren bagi membantu pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) untuk mengeluarkan serpihan bumbung yang pecah.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim sebelum itu mengarahkan agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan termasuk YWP untuk menghulurkan bantuan kepada penduduk pangsapuri tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Datuk Zaizalnizam Zainun** memberitahu penduduk telah menghubungi bomba untuk menjalankan kerja-kerja menyelamat namun mereka menghadapi kesukaran untuk memanjang ke atas ekoran ketiadaan kren serta alatan

masing-masing dan ada juga yang telah berpindah sementara ke rumah saudara mara berdekatan.

"Setakat ini jumlah sebenar mangsa yang terlibat belum dikenal pasti dan difahamkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mengumpul data berkenaan mangsa yang terlibat," katanya.

Tambah Zaizalnizam, pihak YWP turut menyediakan makan malam, sarapan dan makan tengah hari untuk semua mangsa yang terlibat sehingga keadaan pulih dan akan memantau keperluan mangsa dari semasa ke semasa.

Dalam kejadian ribut petang Isnin, kira-kira 40 unit rumah dari Blok A13, A14, A15 dan A16 di pangsapuri tersebut mengalami kerosakan akibat angin kencang dan hujan lebat. WK



ZAIZALNIZAM menghubungi pihak operator kren bagi membantu operasi kerja-kerja menyelamat selepas kejadian ribut di Pangsapuri Taman Melati.

Bantu tempatkan penjaja di lokasi strategik

# Pembangunan kios Desa Sri Hartamas perlu diteruskan

AZLAN ZAMBRY

**M**AJLIS Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Kuala Lumpur Sub Zon 4, Parlimen Segambut menggesa rancangan pembangunan enam buah kios Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) diteruskan bagi membuka peluang kepada anak muda menjalankan perniagaan di kawasan tumpuan orang ramai.

Pengerusinya, **Abdullah Imbi** berkata, projek pembangunan kios itu boleh mengurangkan kebergantungan terhadap kerajaan selain mampu membantu golongan sasar keluar dari masalah kemiskinan disebabkan peluang pekerjaan yang terhad.

"Kalau kita lihat keadaan hari ini, ramai yang terkesan dan jumlah penjaja di kawasan bandar semakin meningkat, oleh itu kerajaan perlu meneruskan sahaja projek pembangunan kios itu agar ekonomi dapat digerakkan dan membantu golongan muda berniaga," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

Jelas Abdullah, bantahan yang dikemukakan daripada persatuan penduduk dan peniaga kedai yang mendakwa kios berkenaan akan menyebakan kesesakan lebih teruk adalah tidak berasas memandangkan kawasan itu sememangnya merupakan tumpuan orang ramai.

"Masalah kesesakan lalu lintas bukanlah isu utama di situ dan sekiranya kita perhatikan, kesesakan ini berlanjut dari tengah hari sehingga tengah malam kerana ia merupakan kawasan komersial yang menjadi tumpuan," katanya.

Oleh itu, tegasnya, semua pihak tidak



ABDULLAH

Bantahan penduduk, peniaga di Sri Hartamas

## Pembinaan kios ditangguhkan

AZLAN ZAMBRY

**K**ERJA-KERJA pembinaan kios penjaja di Desa Sri Hartamas akan diferifikasikan sementara akibat beberapa bantahan yang dikemukakan wakil penduduk dan peniagaan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** berkata, arahan pemberhentian sementara itu dibuat bagi membolehkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuat penilaian semula mengenai pembinaan kios di kawasan ini.

"Berdasarkan kepada isi cerita serta bantahan yang dikemukakan oleh masyarakat setempat, saya akan lihat dan bincang semula dengan pegawai DBKL dan oleh kerana ia telah diputuskan, saya akan bayar semula ke dalam mesyuarat jawatankuasa untuk kita lihat mengenai kerajaan untuk meneruskan projek ini."

KERATAN akhbar *Wilayahku* edisi 151.



harus menjadikan masalah se-  
dai ada sebagai penyebab  
untuk menghalang projek  
tersebut dilaksanakan sekali  
gus menafikan anak muda un-  
tuk berniaga.

Menjelas lanjut, Abdullah berkata, pihaknya diberitahu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu mesyuarat secara atas talian pada 2 Disember 2021 bahawa pembangunan kios di Lot 48661 dan Lot 48662 di atas kawasan hijau adalah bersifat sementara.

"Dalam keadaan sekarang ini, kita harus mengutamakan rakyat yang sedang menderita akibat pandemik COVID-19 ini. Apabila keadaan mulai baik, kita tidak ada masalah sekiranya KWP dan DBKL mahu mengembalikan semula ke-

pada keadaan asal," katanya.

Ujarnya lagi, semua pihak perlu ber-  
lapang dada dan bertimbang rasa untuk  
membantu rakyat termasuk menyokong  
pembangunan ini yang ternyata dapat  
membantu golongan muda berniaga.

"Program ini perlu disokong dan KWP telah pun memperuntukkan sejumlah wang kerana ia mampu merancakkan semula ekonomi negara," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, pi-  
haknya telah menjalankan bincian dan  
mendapat terdapat hampir 30 penja-  
ja di kawasan itu. Kira-kira 21 penjaja  
mempunyai lesen sementara manaka-  
la bakinya merupakan penjaja baru di  
kawasan tersebut.

Terdahulu, *Wilayahku* telah melapor-  
kan bantahan penduduk dan peniaga  
kedai mengenai rancangan pembinaan  
kios UAMK di Desa Sri Hartamas. WK

# Syarikat korporat, NGO perlu tampil bantu sekolah penuhi keperluan pendidikan

**TIMBALAN** Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Seri Jalaluddin Alias** menyeru kepada semua pihak terutama tokoh korporat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) agar tampil membantu sekolah-sekolah dalam menyediakan keperluan pelajaran yang melibatkan peranti yang kini menjadi keperluan untuk kemudahan pelajar.

Jelasnya, usaha ini bukan sahaja terletak di atas bahu kerajaan semata-mata, ia memerlukan sokongan pihak luar termasuk tokoh korporat bagi memastikan

keperluan pendidikan dapat ditingkat-  
kan dari semasa ke semasa.

"Semua pihak yang disebutkan ini boleh digarap menjadi gandingan ba-  
ru bagi memastikan pendekatan dan  
pembangunan pendidikan itu terutama  
dalam soal keperluan untuk mendap-  
atkan peranti-peranti moden seperti  
komputer riba dan tablet yang kini men-  
jadi keperluan dapat dipermudahkan,"  
katanya kepada *Wilayahku* selepas Program Penyerahan Sumbangan 20 Unit Komputer Riba kepada Sekolah

Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) di Ibu negara pada Selasa.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) Datuk Zaizalnizam Zainun, Pengurus Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Negeri Sembilan, Datuk Sudin Kamari dan Pengetua SBJK Kuala Lumpur, Azman Mashuri.

Dalam majlis itu, YWP turut menyumbangkan cek bernilai RM10,000 untuk keperluan pendidikan sekolah tersebut. WK

**SIDANG REDAKSI**  
**PENGURUS BESAR**  
Azlan Abdul Aziz  
[azlanaziz@yayasanwp.org.my](mailto:azlanaziz@yayasanwp.org.my)

**PENGARANG KANAN**  
Helme Hanafi  
[helme.hanafi@gmail.com](mailto:helme.hanafi@gmail.com)

**PENOLONG PENGARANG**  
Nazwin Izan Ahmad Nazri  
[winwilayahku@gmail.com](mailto:winwilayahku@gmail.com)

**WARTAWAN KANAN**  
Azlan Zambry  
[azlanwilayahku@gmail.com](mailto:azlanwilayahku@gmail.com)  
Aini Rosnidah Ahmad Mawawi  
[ainiwilayahku@gmail.com](mailto:ainiwilayahku@gmail.com)

**WARTAWAN**  
Khairul Idin  
[khairulwilayahku@gmail.com](mailto:khairulwilayahku@gmail.com)  
Deel Anjer  
[deelanjer@gmail.com](mailto:deelanjer@gmail.com)

Sabrina Sabre  
[sabrinawilayahku@gmail.com](mailto:sabrinawilayahku@gmail.com)  
Hazirah Halim  
[hazirahwilayahku@gmail.com](mailto:hazirahwilayahku@gmail.com)  
Diana Amir  
[dianawilayahku@gmail.com](mailto:dianawilayahku@gmail.com)

**GRAFIK & MULTIMEDIA**  
Rostam Afendi Ab Rashid  
[lemandecaprio@gmail.com](mailto:lemandecaprio@gmail.com)  
Mohd Affandy Annur  
[affandywilayahku@gmail.com](mailto:affandywilayahku@gmail.com)

Fauzi Taib  
[adhamfauzi05@gmail.com](mailto:adhamfauzi05@gmail.com)

**JURUFOTO & VIDEO**  
Mohd Aminullah Farij Hasan  
[aminwktv@gmail.com](mailto:aminwktv@gmail.com)  
Nooreeza Hashim  
[nooreezahashimwilayahku@gmail.com](mailto:nooreezahashimwilayahku@gmail.com)  
Muhammad Syuqqree Mohd Dain  
[syuqqreewilayahku@gmail.com](mailto:syuqqreewilayahku@gmail.com)

**KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN**  
Nur Fatihah Mohd Amir  
[fatihah@yayasanwp.org.my](mailto:fatihah@yayasanwp.org.my)  
Nurul Hazwani Haslan  
[nhmm8686@gmail.com](mailto:nhmm8686@gmail.com)

**OPERASI & PEMASARAN**  
Roslee Hanafi  
[roslee@yayasanwp.org.my](mailto:roslee@yayasanwp.org.my)

**CERITA KEDAI KOPI**

## Meraikan dua perayaan

**TANGGAL** 1 Februari tarikh istimewa bagi warga Wilayah Persekutuan kerana ia akan menyaksikan dua sambutan yang jatuh serentak pada hari sama.

Pertama ialah ulang tahun ke-50 atau Sambutan Jubli Emas Kuala Lumpur diisytihar bandar raya pada 1 Februari 1972. Kedua ialah Sambutan Tahun Baru Cina, tahun ini Tahun Harimau.

Kawan-kawan Kedai Kopi teruja dengan kedatangan tarikh tersebut pada hari Selasa, empat hari lagi. Inilah pertama kali sambutan ulang tahun bandar raya Kuala Lumpur serentak dengan Tahun Baru Cina.

Tentunya ramai yang mengambil kesempatan cuti panjang ini untuk melancong atau balik kampung. Kawan-kawan Kedai Kopi sendiri ramai sudah merangka untuk membawa keluarga bercuti atau balik kampung bertemu keluarga.

Sangat membanggakan Kuala Lumpur sudah berusia 50 tahun sebagai bandar raya. Dalam tempoh itu ia telah berjaya melalui pelbagai cabaran untuk berkembang maju selaku ibu negara Malaysia serta pusat pentadbiran dan ekonomi negara.

Sejak 1 Februari 1974 pula, Kuala Lumpur yang juga asalnya ibu negara Selangor, diisytihar menjadi Wilayah Persekutuan yang ditadbir oleh kerajaan persekutuan. Ibu negara Selangor berpindah ke Shah Alam.

Selepas Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pula diisytihar Wilayah Persekutuan, masing-masing pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001. Tanggungjawab mentadbir terletak di bahu Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Putus pentadbiran kerajaan berpindah ke Putrajaya pada 1999. Kuala Lumpur terus menjadi pusat kegiatan ekonomi dan kebudayaan negara.

Berbanggalah menyambut 50 tahun bandar raya Kuala Lumpur. Bersyukurlah dengan kemajuan dan kesejahteraan hidup warga kota. Sayanglah Kuala Lumpur tempat bernaung dan mencari rezeki. Tunjukkan kasih sayang dengan mengibarkan bendera sempena Kempen Kibar Bendera mulai 15 Januari lalu hingga 28 Februari.

Kepada semua yang meraikan ulang tahun bandar raya, atau meraikan sambutan Tahun Baru Cina, kawan-kawan Kedai Kopi ingin berpesan agar sentiasa berwaspadा kerana pandemik COVID-19 masih berleger di sekeliling.

Bergembiraialah tetapi jangan lupa prosedur operasi standard (SOP) masih dikuat kuasa. Patuhi peraturan memakai pelitup muka dan penjarakan fizikal. Jangan sampai kemeriahkan membawa duka kerana mengabaikan SOP.

## Berjual di simpang jalan

**MASIH** ramai para penjual makanan, khususnya jeruk mangga, berkeliaran di simpang jalan dan lampu isyarat dengan harapan pemandu kenderaan yang berhenti akan membeli jualan mereka.

Suasana begini bukan sahaja dilihat dalam kawasan Wilayah Persekutuan, tetapi juga di tempat lain, termasuk di Selangor, terutama yang bersempadan dengan Kuala Lumpur.

Pihak polis telah memberi amaran perbuatan ini adalah satu kesalahan kerana boleh mengganggu kelancaran lalu lintas serta membahayakan para penjual itu sendiri. Namun kegiatan tersebut masih berterusan.

Walau ada yang ditangkap, masih ramai yang tidak serik terus berjual kerana beranggapan itulah sumber rezeki. Kadangkala kasihan melihat penjual ini berpenat dalam pasaran terik menjaja.

Ramai juga pemandu kenderaan yang membeli, mungkin dengan niat untuk membantu. Tetapi kini apabila polis bertindak terhadap penjual, pembeli pun menjadi takut untuk membeli.

Kawan-kawan Kedai Kopi pun simpati dengan para penjual ini. Namun apakan daya peraturan telah menetapkan mereka tidak dibenar berjaya di kawasan lalu lintas. Peraturan ini wajar dipatuhi, tambahan lagi jika untuk kebaikan penjual sendiri.

Penjual boleh memikirkan keadaan lain. Misalnya secara online atau berniaga melalui Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB) dengan kaedah berniaga mudah di lokasi pilihan sendiri. Namun patuhi syarat, seperti memperoleh lesen daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Teruslah berniaga tetapi melalui saluran dibenarkan.



# Terima Kasih dan Selamat Maju Jaya

kepada:

**YB Datuk Seri Dr Shahidan Kassim**

(Menteri Wilayah Persekutuan)

&

Seluruh Tenaga Kerja  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
(KWP) serta agensi-agensi berkaitan

Untuk lawatan  
Flat Taman Rajawali & Pejabat Galeri

Ikhlas daripada:



**DESA AMAN HILL RESIDENCE SDN. BHD.**



# Mereka yang titipkan teladan



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

KUALA Lumpur mempertemukan saya dengan pelbagai ragam dan sifat manusia. Walaupun ada yang memberikan pengalaman pahit, tetapi tidak kurang juga yang menemukan saya dengan teladan kehidupan yang lebih bererti. Semua pengalaman begini memberikan kematangan kepada orang yang naif seperti saya.

Walaupun kota raya ini sarat dengan imej dan persepsi tentang manusia kebendaan yang rakus dalam serba-serbi, tetapi tidak kurang juga terselit manusia yang memanusiakan orang lain. Pengalaman mencari hidup yang lebih bererti datang daripada manusia-manusia baik yang kita temui.

Mungkin sudah ditakdirkan saya sentiasa bernasib baik. Saya banyak sekali diketemuan dengan manusia yang bukan sahaja baik, tetapi pengalaman hidupnya yang tidak ternilai harganya. Sebagai anak muda yang baru bertarikh waktu itu saya sangat sedikit pengalaman dalam kehidupan.

Kuala Lumpurlah yang banyak membentuk sisi-sisi kemanusian dalam diri saya. Pengalaman ini disampaikan oleh mereka yang sangat luhur dan memberikan teladan yang sangat baik. Sudah tentu ilmu dan pengalaman begini tidak akan ditemui di mana-mana universiti, kecuali universiti kehidupan seperti yang saya lalui.

Misalnya saya dipertemukan dengan Mak Cik Tuminah. Usianya sebaya arwah ibu yang ketika itu lebih kurang 70 tahun. Mak Cik Tuminah sama seperti beberapa individu lain yang diangkat kisah mereka dalam kolumn ini ini. Mereka dalam kalangan manusia berjasa yang membuka rasa kemanusiaan dan kesedaran terhadap kehidupan.

Daripada Mak Cik Tuminah saya mulai mengerti kemanusiaan kita sebagai manusia biasa dan kekuasaan Yang Maha Esa. Tidak semua yang terdetik di hati akan berada di depan mata. Nasib dan takdir manusia juga tidak serupa. Tetapi semuanya menyimpul teladan kepada orang yang seperti saya - miskin rasa dan pengalaman.

Peristiwa yang berlaku pada tahun 1989 memberikan kesan yang besar dalam kehidupan. Ketika itu saya selalu singgah di sebuah gerai tidak jauh dengan



HOTEL Kuala Lumpur International merupakan sebuah hotel tiga bintang yang popular di pusat bandar Kuala Lumpur.

Hotel Kuala Lumpur International, sebuah hotel tiga bintang yang popular.

Di gerai itulah saya bertemu dengan mak cik lingkungan 70-an dari Perak yang ketika itu sudah hampir sebulan menemani suaminya di Hospital Kuala Lumpur. Pagi itu ketika saya sedang menikmati sarapan dan di depan ada segelas susu lembu segar, dari jauh terlihat perempuan tua berjubah kurung lusuh.

Berada di depan Mak Cik Tuminah segera melayangkan ingatan kepada ibu yang jauhnya lebih 500 kilometer di kampung halaman. Mak Cik Tuminah seperti ibu yang tiba-tiba hadir dalam relung rindu yang panjang. Tetapi lebih mengores tatkala mata menyelinap pada baju kurung lusuh dan tudungnya yang ada kesan kotoran. Tanggapan awal saya Mak Cik Tuminah seorang peminta sedekah.

Kemudian apabila dia membayar nasi bungkus yang diambilnya, saya menjangka dia seorang yang berdepan masalah mental. Malah keberadaan Mak Cik Tuminah di gerai itu dirasakan amat asing. Saya fikir dia juga merasakan dirinya menjadi tontonan dan tanda tanya.

Bagaimanapun pada pertemuan pertama itu kami bersempang hal-hal yang tidak menyentuh diri masing-masing. Mak Cik Tuminah kelihatan amat malu. Sepatah ditanya sepatah juga dijawabnya. Maka agak tersekut untuk bersempang dan berbasa-basi merancakkan suasana.

Waktu itu saya juga tidak bertanyakan namanya dan kenapa berada di Kuala Lumpur. Daripada

penampilan saya sangat yakin dia bukan orang yang menetap di Kuala Lumpur. Langkahnya janggal dan asing. Dia pula lebih banyak memerhati di sekeliling seolah-olah suatu tempat baharu.

Beberapa hari selepas itu saya singgah lagi di gerai susu segar itu. Kali ini saya melihat Mak Cik Tuminah berada di gerai itu. Seperti sebelumnya - di depannya hanya nasi bungkus dan air kosong. Saya menuju ke mejanya dan terus duduk selepas memberikan salam. Mak Cik Tuminah berpaling dalam keadaan terkejut, kemudian tersenyum.

Kali ini saya memberanikan diri bertanyakan nama dan kenapa dia berada di Kuala Lumpur. Mak Cik Tuminah agak berhati-hati untuk menjawab. Katanya, dia menjaga suaminya yang mendapat rawatan di Hospital Kuala Lumpur sudah sebulan lalu. Apabila dia memberitahu datang dari Perak, saya lantas bertanya di mana dia tinggal selama itu.

Mak Cik Tuminah berkampung di tepi kaki lima hospital bersama-sama beberapa yang lain. Katanya, dengan beralaskan kotak, di situ lah mereka tidur atau berehat. Mandi dan sembahyang di surau. Pada usia sedemikian sepatutnya Mak Cik Tuminah berada di rumah yang lebih selesa bukan di kaki lima.

Suaminya yang lebih tua usianya mengalami pendarahan otak kemudian terus dalam keadaan koma. Selepas mendapat rawatan di sebuah hospital di Ipoh, pihak hospital memindahkan ke Kuala Lumpur untuk rawatan lanjut. Mak Cik Tuminah tidak mempunyai anak selepas anak tunggalnya

**“Dengan beban perasaan yang begitu berat, Mak Cik Tuminah tetap kelihatan tenang. Setiap hari dia berada di sisi suaminya, bercakap-cakap seperti sebelum kejadian pendarahan otak itu berlaku. Dia keluar hanya untuk mencari makanan dan seharian di sisi katil itulah dunianya.**

gugur dalam pertempuran dengan pangganas komuniti di Sungai Manik, Perak.

Katanya, dia belajar menjadi kuat semasa dipapah ke keranda anaknya. Dia bertekad untuk tidak menangis, suaminya menggenggam tangannya erat-erat. Dia memejamkan mata dan hanya sedu-sedu yang sudah tidak terkawal. Mulai senja itu, tinggallah hanya mereka berdua dan dia belajar menjadi manusia yang mempersoalkan ketentuan Yang Maha Esa.

Dengan beban perasaan yang begitu berat, Mak Cik Tuminah tetap kelihatan tenang. Setiap hari dia berada di sisi suaminya, bercakap-cakap seperti sebelum kejadian pendarahan otak itu berlaku. Dia keluar hanya untuk mencari makanan dan seharian di sisi katil itulah dunianya.

Walaupun begitu suaminya yang koma tidak menyedari kehadiran Mak Cik Tuminah. Suaminya tidak melihat kesetiaan seorang isteri berada di sisisnya dan menjungkir balik masa-masa indah yang pernah dilalui. Kepada orang lain, barangkali perbuatan yang sia-sia. Tetapi tidak kepada Mak Cik Tuminah.

Kata Mak Cik Tuminah, walaupun suaminya tidak menyedari kehadirannya, tetapi dia sedar ketika berada di sisi suaminya. Dia merasakan keberadaan suami walaupun keadaannya yang kaku dan sepi.

Beberapa kali doktor seperti

tidak memberikan harapan,

tetapi dia mengharapkan

keajaiban.

Disebabkan sibuk dengan tugas, hampir dua minggu saya tidak ke gerai susu segar itu. Apabila tiga hari berturut-turut saya tidak nampak Mak Cik Tuminah di gerai, saya menjadi tidak keruan. Kata tuan gerai

dekat seminggu dia tidak datang.

Saya menyusur Jalan Pahang pergi ke Hospital Kuala Lumpur. Ke mana hendak dicari? Nama suaminya pun tidak ada. Pencarian itu bagai dalam kegelapan. Kemudian menyusur di kaki lima dan bertemu dengan empat atau lima orang wanita dan lelaki di situ. Saya hanya bertanya tentang "Mak cik dari Perak" kalau ada yang kenal.

Daripada gambaran yang diberikan oleh mereka, baju yang selalu dipakai Mak Cik Tuminah, benarlah mereka kenal dengannya. Mereka memberitahu sudah lebih seminggu suaminya kembali ke pangkuan Ilahi dan Mak Cik Tuminah telah balik ke Perak.

Saya terduduk di atas simen di kaki lima. Tangan tegap memegang nasi bungkus untuk Mak Cik Tuminah. Wajah dan kekuatannya berdepan ujian silih berganti di ruang khayal. Walaupun hanya seketika bertemu dengannya tetapi manusia seperti Mak Cik Tuminah telah meninggalkan telaan yang besar kepada diri saya.

Dengan menghayati pengalaman hidup Mak Cik Tuminah, saya mulai memetik perca-perca kehidupan dan menyusunnya menjadi indah. Kuala Lumpur dan manusia yang baik telah memberikan teladan yang memimpin saya di kota yang ganas dan liar ini.

## SAJAK

### INSPIRASI PUH ASPIRASI

Dendangkan jiwa seluruh  
Nikmat hidupmu

Memetik kuntuman rasa mekar harapan  
Bermandi cahaya di lampu realiti  
Membangkit gemuruh menyambut  
rasukan kejayaan.

Gempur, langkah sukma mulusmu  
Penuh inspirasi penuh lestari  
Menjejak kaki di bumi sendiri  
Penuh aspirasi tanah bertuah  
Tersergam bangunan agam  
Memancar kental jiwa cinta negara

Perkenankan  
Strategik wilayah darah dagingmu  
Bawalah hati nurani dan jiwanmu

Menikmati indah dan gemilang  
Meresap aura enggan mengalah  
Langkah cetus pembekal inspirasi  
untuk aspirasi Malaysia tersohor di peta  
keunggulan.

Sharil Kasak  
Serdang, Selangor

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
**Wilayah Ku**  
**UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!**



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

# 50 tahun bandar raya KL gilap nama

**E**MPAT hari lagi, pada 1 Februari 2022, Kuala Lumpur akan menyambut ulang tahun Jubli Emas sempena 50 tahun diisytihar bandar raya pada 1 Februari 1972. Pada 1 Februari 1974 pula ia diisytihar Wilayah Persekutuan.

Dengan perisytiharan itu, Kuala Lumpur yang berkongsi peranan sebagai ibu negara Malaysia dan ibu negeri Selangor, diserahkan oleh kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan untuk menjadi wilayah di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Ibu negeri Selangor berpindah ke Shah Alam.

Kewujudan Kuala Lumpur menjadi Wilayah Persekutuan diikuti oleh Labuan pada 16 April 1984 dan Putrajaya pada 1 Februari 2001.

Adi teringat pada awal tahun 1972 apabila datang dari kampung di Bagan Datuk, Perak untuk sambung belajar di High School, Setapak, Kuala Lumpur.

Lagu negeri Selangor, Duli Yang Maha Mulia, dinyanyikan pada perhimpunan sekolah setiap pagi Isnin sehingga Kuala Lumpur diisytihar Wilayah Persekutuan.

Belajar dan kemudian mencari rezeki di ibu kota, Adi menyaksikan perkembangan pesat bekas lombong bijih itu menggilap nama menjadi sebuah pusat pentadbiran dan ekonomi terkenal di seluruh dunia.

Kuala Lumpur, bandar raya terbesar di Malaysia, meliputi kawasan 244 kilometer persegi. Berdasarkan bancian tahun 2018, jumlah penduduknya ialah 1.8 juta. Jumlah ini tentunya telah bertambah kini.

Kepesatan dan kepadatan Kuala Lumpur mendorong kerajaan mencari pusat pentadbiran baharu. Kawasan Perang Besar dalam negeri Selangor dipilih untuk dibangunkan.

Sekali lagi inilah pengorbanan besar kerajaan Selangor menyerahkan wilayahnya untuk dijadikan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Putrajaya dibina sebagai sebuah bandar terancang yang cantik dan hebat. Pelbagai kemudahan disediakan. Pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia berpindah ke sini pada 1999. Kuala Lumpur terus menjadi pusat kebudayaan, kewangan dan ekonomi negara.

Sejarah Kuala Lumpur bermula seawal tahun 1840-an. Ketika itu sudah terdapat aktiviti melombong oleh pelombong Cina di Sungai Selangor, kira-kira 16 kilometer dari kedudukan Kuala Lumpur



BANGUNAN Sultan Abdul Samad yang terletak di hadapan Dataran Merdeka adalah mercu tanda bagi bandar raya Kuala Lumpur.

sekarang.

Pada masa itu, kaum Mandailing dari Sumatera yang diketuai oleh Raja Asal dan Sutan Puasa juga terlibat dalam perlombongan bijih dan perdagangan di kawasan Ulu Kelang. Mereka dikatakan menduduki kawasan hulu Sungai Kelang.

Sutan Puasa bertanggungjawab membuka Kuala Lumpur. Fakta ini disahkan oleh pakar sejarah, mendiagn Profesor Tan Sri Khoo Kay Kim.

Namun sumbangan pihak lain seperti Kapitan Cina, Yap Ah Loy, serta beberapa tokoh Melayu dan Cina yang lain dalam memaju dan memodenkan Kuala Lumpur tidak dinafikan.

Sumbangan kesemua mereka memastikan Kuala Lumpur maju dan pesat membangun.

Bermula daripada sebuah penempatan kecil yang hanya mengandungi beberapa buah rumah dan kedai, Kuala Lumpur yang terletak di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai

Kelang muncul menjadi bandar pada 1875 dan berkembang menjadi pusat perniagaan dan eksport bijih timah.

Jelas, Kuala Lumpur wujud kerana bijih timah. Hari ini bijih timah sudah tiada.

Tetapi Kuala Lumpur terus maju menjadi perhatian dunia. Bijih timah digantikan dengan industri dan pelbagai sektor ekonomi lain yang memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Pelbagai peristiwa bersejarah dicatatkan di ibu negara, seperti Mesyuarat Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) pada Oktober 1989, Sukan Komanwel pada September 1998, Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) pada November 1998 dan Sidang Kemuncak Kuala Lumpur pada Disember 2019.

Daripada segi tarikan pelancong, perlumba Formula One yang diadakan di Sepang untuk beberapa tahun sebelum dimansuhkan, menjadi tarikan peminat sukan seluruh dunia.

Menara Berkembar Petronas berdiri megah menjadi tumpuan

## SKETSA



**“Sesuatu yang istimewa dengan Kuala Lumpur ialah dalam berkembang menjadi bandar raya maju, ia sentiasa prihatin dengan kebaikan warganya. Gelandangan tidak terkecuali.”**

pelancong. Walaupun kini ia bukan lagi menara tertinggi di dunia, ia tetap menara berkembar tertinggi di dunia.

Selain itu ibu negara juga memiliki Menara Kuala Lumpur yang sentiasa menggamit pelancong.

Lima dekad bergelar bandar raya dan 48 tahun Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur melalui transformasi hebat. Daripada penempatan sunyi kepada sebuah kosmopolitan terkenal.

Segala kemudahan disediakan bagi memenuhi keperluan warganya, merangkumi kemudahan asas, kemudahan infrastruktur, pengangkutan awam, perumahan, rekreasi dan sebagainya.

Kerana itu sejajar dengan ulang tahun ke-50 bandar raya Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menyusun beberapa program sambutan sebagai luahan kesyukuran di atas kemajuan yang dicapai oleh ibu kota.

Sambutan dalam skala sederhana sesuai dengan suasana pandemik COVID-19 yang masih melanda.

50 tahun adalah usia matang. Dengan kematangan itu diharap Kuala Lumpur terus maju dan makmur merentasi cabaran mencapai kemajuan dan kejayaan lebih hebat.

Namun warga kota mestilah sama-sama membantu memaju dan mensejahteraan ibu kota. Usaha kerajaan memajukan bandar raya perlu mendapat kerjasama semua pihak. Hanya dengan kerjasama dapat membawa hasil yang diharapkan.

Sesuatu yang istimewa dengan Kuala Lumpur ialah dalam berkembang menjadi bandar raya maju, ia sentiasa prihatin dengan kebaikan warganya. Gelandangan tidak terkecuali.

Mereka tidak dibiar berkeliaran. Nasib mereka dibela dan disediakan tempat berlindung, malah diberi latihan untuk berniaga dan bertani melalui konsep pertanian bandar.

Ini untuk membolehkan mereka berdikari dan tidak terus meminta-minta untuk kelangsungan hidup.

Golongan yang terjejas akibat tempias COVID-19 kerana hilang pekerjaan dan sumber pendapatan pula dibantu berniaga, khususnya melalui Inisiatif Wilayah Bebas

Berniaga (IWBB) dan kios niaga yang disediakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Peluang ini turut dibuka kepada siswazah yang masih belum mendapat kerja setelah habis pengajian.

Namun satu perkara yang ingin Adi lihat ialah penyelesaian masalah pembangunan Kampung Baru. Setelah beberapa dekad berlalu, usaha pembangunan masih belum menemui cahaya di hujung terowong. Sentiasa ada sahaja masalah berbangkit.

Isu utama ialah pampasan yang tidak memuaskan hati para pemilik tanah. Pemilik seperti ada formula sendiri berhubung pampasan sementara di pihak kerajaan dan pemaju pampasan adalah berdasarkan penilaian semasa.

Adi berharap sejajar dengan usia Kuala Lumpur menyambut Jubli Emas, isu Kampung Baru akan terlerai juga akhirnya dan projek pembangunan kawasan rizab Melayu itu dapat dilaksanakan segera.

Kampung Baru perlu membangun sejarah dengan kedudukannya sebagai sebuah penempatan dalam bandar yang dikelilingi oleh pembangunan moden dan bangunan pencakar langit di sekelilingnya. Martabat Kampung Baru perlu dipertingkat.

Adi yang menjelaskan kaki ke Kuala Lumpur pada 1972, tahun ia diisytiharkan bandar raya, bangga dengan kepesatan pembangunan sehingga kini.

Syabas Kuala Lumpur!

Adi percaya ia akan terus berkembang menjadi menjadi kota metropolitan hebat.

Semoga Kuala Lumpur terus maju jaya.

**Adi—Sayang Kuala Lumpur.**

*Adi Taib*

## SAJAK

### MERPATI YANG PULANG

Kain putih yang tercorak oleh warna kehidupan tidak usah dihapuskan dengan keras sentalan.

Biarkan ia menanda bukti garis-garis pernah terlakar sebagai penunjuk jalan perindu menuju pulang.

Setelah bermusim kembara ditemuinya gerbang inayat si merpati hinggap di kubah tenang, di dakapan hidayah.

**Gabriel Kimjuan**  
Simpang Ampat, Pulau Pinang

Elak salah guna kuasa dalam urusan pentadbiran, serahan sumbangan

# YWP ambil langkah awal perangi rasuah

AINI MAWAWI

**D**ALAM usaha memastikan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) bebas rasuah, pihak pengurusan sanya mengambil inisiatif awal dengan mengadakan perbincangan bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak tahun lalu.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, perbincangan bersama SPRM tersebut membantu daripada segi polisi dan prosedur dalam pengurusan dan pentadbiran YWP.

"Kita mengambil inisiatif sendiri untuk berhubung dengan para pegawai dan melihat penambahan polisi dan prosedur sedia ada dalam



ZAIZALNIZAM

pentadbiran dan penyerahan sumbangan.

"Hal ini bagi memastikan YWP selari dengan matlamat anti rasuah demi mengekang berlakunya salah guna kuasa atau rasuah dalam apa jua urusan yang dijalankan dalam organisasi," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau lagi, setakat ini, tiada sebarang permasalahan yang berlaku malah beberapa penambahan telah pun dilakukan untuk memantapkan lagi prosedur tatacara gerak kerja YWP.

"Sebarang keputusan untuk menambah baik kita akan mendapatkan kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP dalam menilai dan seterusnya memberi pengiktirafan kepada cadangan-cadangan ba-

haru yang akan dilaksanakan.

"Dalam masa yang sama, YWP juga turut mengharapkan komitmen daripada kakitangan bagi memantapkan integriti dalam diri mereka untuk terus memerangi salah guna kuasa," ujar beliau lagi.

Mengulas tentang Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi yang telah digariskan dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) di bawah inisiatif 2.1.5, Zaizalnizam berkata, ia adalah satu perkara yang amat baik untuk dilaksanakan.

"Ia menjamin bahawa segala prosedur dan tatacara kerja selaras dengan apa yang dikehendaki kerajaan dan saya juga berharap di peringkat YWP, kita dapat laksanakan agar menjadi satu agensi yang diiktiraf dan selari dengan apa yang telah digariskan," ujar beliau. **WK**



YWP elak rasuah dalam penyerahan sumbangan kepada warga Wilayah Persekutuan. - Gambar hiasan

## Rekaan Istana Diraja China zaman silam hiasi tiga pusat beli-belah Suria KLCC

HAZIRAH HALIM

REALITI KEHIDUPAN

**rodakota**

28 JANUARI - 3 FEBRUARI 2022 . BIL 152

Wilayah Ku

**Transformasi alaf baharu  
Perpustakaan Kuala Lumpur**



Dulu dua kini 15

# Perpustakaan bertambah di ibu kota



HAZIRAH HALIM

Foto: iHSAN DBKL

**S**EAWAL tahun 1977 hingga 1981 lalu, Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) bermula sebagai Pustaka Bimbingan Kanak-Kanak bagi dua cawangannya iaitu di Jalan Tun Razak dan Taman Tun Dr Ismail yang dikhaskan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah.

Selepas itu, pada tahun 1989, Datuk Bandar Kuala Lumpur ketiga ketika itu iaitu Tan Sri Datuk Elyas Omar telah merasmikan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur atau *Memorial Library* sebagai sebuah perpustakaan awam buat warga kota.

Bagaimanapun, pustaka tersebut telah berubah nama kepada Perpustakaan Kuala Lumpur pada tahun 2000 bersempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dengan tujuannya mahu mewujudkan sebuah perpustakaan awam di tengah bandar raya Kuala Lumpur buat warga kota.

Pada ketika ini, PKL menambah rangkaian perpustakaannya dan mempunyai 15 cawangan perpustakaan di sekitar Lembah Klang.

Menurut Ketua Pustakawan Perpustakaan Kuala Lumpur, **Rosidah Ismail**, daripada jumlah tersebut, rangkaian perpustakaan di Kuala Lumpur adalah mengikut kawasan



PERPUSTAKAAN Kuala Lumpur berada di lokasi strategik iaitu berhampiran dengan Dataran Merdeka dan Bangunan Sultan Abdul Samad.

parlimen iaitu Segambut, Lembah Pantai, Seputeh, Batu, Bandar Tun Razak, Setiawangsa, Wangsa Maju, Titiwangsa, Bukit Bintang dan Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tiga kawasan seperti Cheras, Kepong dan Bukit Jalil masih dalam perancangan.

"Tahun ini juga kita baru sahaja merasmikan pembukaan perpustakaan di Keramat Mall yang

mana tempat ini juga dipenuhi pelbagai koleksi buku tempatan dengan dekorasi dan susun atur yang lebih kemas serta selesa," katanya yang menjelaskan pelan pembinaan bangunan perpustakaan di tiga kawasan tersebut telah dipersejui dan dijangka dibina pada tahun ini.

Selaras dengan misi utama mereka adalah menggalakkan lebih ramai masyarakat

membaca, pihaknya pernah mewujudkan empat buah bas perpustakaan bergerak khusus untuk pelajar sekolah dan mana-mana pihak yang memerlukan khidmatnya, namun ia terhenti pada tahun 2020.

"Inisiatif ini tertumpu di kawasan sekolah dengan melibatkan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) Bahagian Teknologi Pendidikan, kawasan perumahan dan beberapa tempat lain merujuk kepada cadangan daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

"Bukan itu sahaja, pihak kami juga mewujudkan perpustakaan kecil di bangunan-bangunan perumahan terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) dengan dilengkapi pelbagai kemudahan utama seperti Wi-Fi untuk memudahkan orang ramai mengakses sebarang maklumat, buku-buku rujukan, kamus

bahasa Inggeris dan bahasa Melayu serta banyak lagi," jelasnya.

Mengulas mengenai persaingan alaf baharu di antara pembacaan dan mengakses maklumat secara online dengan kaedah membaca, Rosidah berpendapat bahawa golongan remaja gemar menggunakan teknologi berbanding golongan dewasa yang lebih gemar membaca secara fizikal.

"Teknologi telah menguasai kita. Kebanyakan remaja masa kini lebih gemar kepada penggunaan gajet atau teknologi. Sebagai contoh, jelas dilihat di sini, sebilangan besar anak muda menjadikan perpustakaan sebagai pusat pembelajaran secara bersendirian atau berkumpulan dengan menggunakan komputer riba selain menjadikan pusat pencarian rujukan dan maklumat.

## INFO

### PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR (PKL)

**Alamat:**  
No 1, Jalan Raja, City Centre,  
50050 Kuala Lumpur, Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur,  
Malaysia.  
(Berdekatan dengan Dataran  
Merdeka dan Bangunan  
Sultan Abdul Samad).

**Waktu Operasi:**  
Isnin: Tutup  
Selasa hingga Ahad: 10.00  
pagi hingga 5.00 petang

**Nombor telefon dihubungi:**  
**Tel:** 03-26123500  
**Faks:** 03-2693 7313  
**E-mel:** kllibrary@dbkl.gov.my

**Keahlian perpustakaan:**  
PERCUMA (kepada mereka  
berumur di bawah 4 tahun  
dan menetap di Wilayah  
Persekutuan Kuala Lumpur).

**Antara perkhidmatan dan kemudahan disediakan:**  
Self kiosk, studio rakaman,  
bilik perbincangan, ruangan  
koleksi CD/DVD/ blue ray,  
koleksi peperiksaan sekolah  
menengah dan banyak lagi.

"Sungguhpun begitu,  
secara tidak langsung ia telah  
memupuk sifat membaca dalam  
kalangan masyarakat sama ada  
novel, majalah, akhbar atau  
komik," katanya.

Kemajuan teknologi  
pangkalan data internet yang  
berkesan dan menyeluruh  
mbolehkan seseorang  
berkomunikasi, mendapatkan  
maklumat dan bahan rujukan  
secara lebih pantas dan efisien.

WK



ROSIDAH



PERPUSTAKAAN menjadi pusat rujukan dan pembelajaran masyarakat pada zaman dahulu.



PEMBUKAAN Perpustakaan Keramat Mall tahun ini menghimpunkan pelbagai koleksi buku rujukan tempatan termasuk kanak-kanak.

# Konsep futuristik tarik pengunjung



DIANA AMIR

**P**ERPUSTAKAAN hari ini amat sinonim dengan tempat pembelajaran yang sunyi dan tenang serta dikelilingi dengan pelbagai koleksi buku. Malah ia turut dilengkapi dengan kemudahan internet serta komputer bagi memudahkan pengunjung mencari maklumat di dalam talian.

Bergerak ke arah *ultramodern*, Perpustakaan Kuala Lumpur (PKL) yang menggunakan konsep baharu yang menjadikan ia bukan hanya tempat belajar, tetapi turut boleh dimanfaatkan seisi keluarga.

Beberapa inisiatif telah dilakukan oleh PKL termasuk menyediakan beberapa fasiliti yang berkongseian riadah dan santai bagi menarik pengunjung daripada pelbagai peringkat umur.

Ketua Pustakawannya, **Rosidah Ismail** berkata PKL menyediakan pelbagai perkhidmatan dan ruang yang selesa untuk pengunjung merasai konsep membaca sambil beriadah, sesuai dengan peredaran zaman.

"Dahulu PKL dikenali sebagai Pustaka Peringatan Kuala Lumpur yang mengumpulkan warisan ibu kota Kuala Lumpur. Bermula pada tahun 2000, ia bertukar menjadi perpustakaan awam dan saban tahun PKL menaik taraf fasiliti serta perkhidmatan yang ditawarkan.

"Kini konsep yang sedang dilakukan adalah lebih santai seperti terdapat satu ruang di mana pengunjung boleh mendengar lagu sambil membaca buku dan pada masa sama, ia tidak akan mengganggu konsentrasi

pengunjung lain," katanya kepada *Wilayahku* pada Jumaat.

Menjelas lanjut, Rosidah berkata PKL mempunyai tiga tingkat keseluruhannya dan setiap tingkat mempunyai ruang serta fungsi berlainan.

"Di tingkat satu kita mempunyai sudut yang dikhaskan untuk kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan di antara aktiviti dilakukan adalah seperti *story telling*, *musical chair*, *mewarna* dan sebagainya.

"Di tingkat dua, konsep *open share space* digunakan dan ia menghimpunkan pelbagai koleksi buku, selain itu, terdapat dua buah bilik yang boleh digunakan untuk sesi perbincangan. Setiap kegunaan bilik perlu ditempar terlebih dahulu dengan pustakawan bertugas.

"Manakala di tingkat tiga pula terdapat ruang internet di mana PKL menyediakan beberapa buah komputer untuk mengakses maklumat, bilik rakaman, bilik muzik, dan dewan bagi mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mahu menganjurkan sebarang acara rasmi," katanya.

Tambahnya, terdapat satu ruang khas yang mengumpulkan koleksi serta cenderamata berkenaan sejarah dan pencapaian Kuala Lumpur sebagai ibu kota akan diwujudkan pada tahun ini.

Menurut Rosidah, PKL mempunyai tiga kaedah yang digunakan bagi aktiviti peminjaman buku iaitu dengan beruruskan di kaunter, *self kiosk* atau secara atas talian.

"Kalau di kaunter akan ada pustakawan yang bantu manakala di *self kiosk*, pengunjung perlu melakukannya sendiri dengan hanya menggunakan kad pengenalan diri.

"Setiap pengunjung hanya



**RUANG** kanak-kanak turut disediakan dengan pelbagai koleksi buku serta aktiviti menarik dalam menjadikan perpustakaan sebagai pusat riadah santai bersama keluarga.

dibenarkan meminjam tiga buah buku selama dua minggu dan setiap pulangan yang lewat akan dikenakan denda 10 sen sehari," katanya.

Bercerita lanjut, Rosidah berkata, aktiviti peminjaman buku turut dilakukan pihaknya bagi memberi peluang kepada warga kota untuk mendapatkan bahan bacaan walaupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa pada Mac 2020.

"Semasa PKP sebelum ini pengunjung hanya boleh meminjam buku melalui secara atas talian di mana mereka menempah buku tersebut di laman web PKL dan pustakawan akan menyediakan buku tersebut. Mereka hanya perlu datang untuk mengambil buku di tempat yang telah disediakan," tambahnya.

Rosidah berkata, selari dengan peredaran zaman, PKL turut menyediakan aplikasi (Aps) *Buffet@PKL* yang mengandungi maklumat dan koleksi khas berkaitan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur



**TERDAPAT** juga ruang bagi mana-mana organisasi dan NGO yang ingin mengadakan acara rasmi di Perpustakaan Kuala Lumpur.

(DBKL) dan Kuala Lumpur.

"Aplikasi ini boleh dimuat turun melalui *Google Play* bagi pengguna android dan *Apps Store* untuk pengguna *i-Phone* dan mereka perlu mendaftar sebagai ahli terlebih dahulu sebelum membaca keseluruhan koleksi dan ia akan terpadam secara automatik apabila tarikh pinjaman luput.

"PKL juga mempunyai aplikasi *e-book* di mana orang ramai boleh membaca koleksi buku secara atas talian sahaja dan semasa pandemik sebelum ini, statistik pengunjung di *e-book* adalah tinggi berbanding hari ini memandangkan PKL sudah mula dibuka kepada orang ramai," ujarnya. **W.K**

## Reaksi

"INI merupakan kali kedua berkunjung di Perpustakaan Kuala Lumpur dan sebagai pelajar, saya suka dengan kemudahan yang terdapat di sini kerana banyak membantu dalam menyiapkan tugas-tugas diberi."

**NUR IZZATI NAZIHAH HAZIZI, 20**  
Pelajar



"**SAYA** harap pengunjung akan terus mengunjungi Perpustakaan Kuala Lumpur agar budaya membaca dapat diteruskan sehingga generasi seterusnya dan memanfaatkan segala kemudahan yang terdapat di sini kerana ia bukan sahaja sebagai tempat belajar tetapi lokasi riadah santai terutama buat seisi keluarga."



**KAMALIAH AMALIN, 25**  
Pembantu Pustakawan

"**TEMPAT** yang luas dan selesa terutamanya bagi penggemar buku pastinya akan suka dengan dekorasi perpustakaan ini. Koleksi buku yang disediakan juga terdiri daripada pelbagai genre bersesuaian dengan semua peringkat umur."

**BRENDA ANNE, 24**  
Pelajar



"**INI** merupakan kali pertama saya ke sini, hiasan dalaman yang santai dan tenang bersesuaian dengan pelbagai peringkat umur meskipun lokasinya agak tercorok namun masih ramai yang mengunjungi perpustakaan ini."

**JAMILAH ZAINUN, 51**  
Pesara



JALALUDDIN mengetuai pelepasan konvoi motosikal berkuasa tinggi pada Program Konvoi Golden Ride 2022 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

# Golden Ride KL - Arau rai Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur



SYUQQREE MOHD DAIN

**P**ROGRAM Konvoi Golden Ride KL - Arau 2022 bertujuan mempromosikan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang disambut serentak dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 (SHWP 2022) pada 1 Februari.

Konvoi yang diketuai oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Jalaluddin Alias itu disertai 50 motosikal berkuasa tinggi dianjurkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Yayasan Wilayah Persekutuan sebagai simbolik 50 tahun Bandar Raya Kuala Lumpur.

Selain mempromosikan SHWP 2022 dan Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur, konvoi itu turut

menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi membantu golongan asnaf dan B40 di Parlimen Arau dan Parlimen Parit yang disumbangkan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan.

Kejayaan program Konvoi Golden Ride yang bermula di Dataran Merdeka pada 21 Januari dan berakhir pada 23 Januari lalu di Menara Kuala Lumpur bakal diteruskan ke negeri Pantai Timur dalam masa terdekat. **W.K**



MENTERI Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (dua kiri) bersama Jalaluddin (tiga kiri) menyampaikan sumbangan bukal makanan kepada golongan asnaf pada Program Sumbangan Keluarga Malaysia di Parlimen Arau.



TETAMU kehormat yang hadir pada majlis makan malam bersama para peserta konvoi di Hotel Seri Malaysia, Kangar.



TIMBALAN Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias (tengah) bergambar bersama penunggang-penunggang motosikal berkuasa tinggi di Hotel PARKROYAL, Penang.





MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha KWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah hadir pada Perhimpunan Bulan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi 2022.

# Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi



NOOREEZA HASHIM

**M**ENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim bersama Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Datuk Seri Rosida Jaafar, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah hadir pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi 2022 bertempat di Dewan Serbaguna,

Menara Seri Wilayah.

Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 yang bakal disambut pada 1 Februari ini, sebanyak 65 program khusus telah disusun atur untuk semua lapisan masyarakat, daripada kanak-kanak, belia, dewasa dan juga keluarga.


Aktiviti-aktiviti itu merangkumi enam teras utama iaitu Pengiktirafan Ilmiah dan Pendidikan Usahawan Kemasyarakatan Seni dan Budaya serta Sukar.

Tambah Shahidan, pihaknya akan menganjurkan program berasingan bagi Sambutan Jubli Emas Bandar Raya Kuala Lumpur yang turut disambut pada tarikh yang sama.

WK



MENTERI Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim melawat tapak pameran oleh Rejimen Askar Wataniah.



# Pak Nil selesa menduda, anak jadi keutamaan



DEEL ANJER

**2**5 tahun bergelar bapa tunggal, **Datuk Aznil Nawawi** sudah terbiasa dengan ketentuan itu.

Baginya yang mesra disapa Pak Nil, apa yang lebih utama ialah meneruskan kehidupan dan *survival* yang dimulakan sejak lebih tiga dekad lalu dengan meletakkan kerja seni dan tanggungjawabnya kepada masyarakat.

Malah sedari dulu, selebriti yang bakal genap 60 tahun pada November depan itu juga memikul tanggungjawab sebagai bapa kepada tiga anaknya, Fildza Haifa, 32, Fariq Haizen, 27 dan Firdaus

Hariz,13.

"Anak saya pun tak pernah tanya fasal jodoh. Mereka pun tahu dan selalu nampak papa (diri saya) asyik sibuk tak habis. Lagipun anak sulung saya sendiri pun jenis wanita bekerjaya. Soal kahwin bukan keutamaan."

"Namun hubungan mereka dengan mama (bekas isteri) terus terjalin baik biarpun duduk dengan saya," katanya yang ditemui pada majlis santai memperkenalkannya sebagai duta produk jenama Nakada di ibu kota baru-baru ini.

Kata penyanyi lagu Apo itu lagi, dalam mendidik anaknya, beliau juga menggunakan pendekatan sama seperti ibu bapa lain.

"Saya didik mereka untuk

hormat orang tua dan saya juga mengajar mereka agar pandai buat keputusan sendiri dengan betul. Biarpun kami hidup dalam era yang berbeza, ada perkara yang mereka tempuh, saya tidak lalui. Begitulah sebaliknya."

"Paling utama dalam setiap langkah mereka, saya selalu ingatkan untuk fikir panjang dulu sebelum membuat keputusan atau bertindak," katanya. WK



## Dihina kerana OKU, Anissa tidak putus asa

**TIADA** manusia yang sempurna dalam dunia ini. Setiap orang pasti ada kelemahan dan kelebihan masing-masing.

Begitu juga dengan wanita cekal **Khairul Anissa Mat Samsuddin** yang tidak mudah mengalah untuk meneruskan kehidupan walaupun dilahirkan sebagai Orang Kurang Upaya (OKU).

Terbaru, wanita berasal dari Klang, Selangor namun menyewa di sebuah kawasan perumahan di Kuala Lumpur ini tular di aplikasi *TikTok* selepas berjinak sebagai pengedaran produk jenama Nurraysa.

"Saya tak mahu berpeluk tubuh mengharapkan simpati dan belas kasihan. Saya nak buktikan biarpun tak nampak, *insya-Allah* dengan usaha berterusan pasti ada kejayaan menyusul."

"Namun lumrah di sebalik kekurangan diri itu saya juga terus diadili dengan pandangan skeptikal. Ada yang meragui kebolehan saya untuk menjual itu ini. Pernah satu tahap rasa nak menangis dan tinggalkan terus dunia berniaga," katanya.

Sebagai manusia yang asalnya dilahirkan normal, namun 10 bulan selepas itu diserang kanser mata hingga hilang penglihatan, Anissa ada ketikanya bagi hilang punca dihukum dan dikutuk seperti tiada hati dan perasaan.

"Saya sudahlah lahir serba kekurangan, kemudian ditekan pula dengan kata sinis. Tentunya, lagi pedih rasa hati ini. Tapi saya tak minta lahir sebegini."

"Pernah ketika saya menjual produk makanan berdasarkan coklat, ada yang komen kasar cakap saya ini sudahlah tak



begitu saja. Saya pun tak pernah didedahkan dengan jenama itu. Dipendekkan cerita, teman saya mengajak menjadi pengedar jenama itu. Produk pertama yang saya cuba ialah Glowing DD Moist Cake. Saya jatuh hati dengan foundation muka itu dan terus jadi pilihan."

"Saya mencuba nasib berjinak dengan aplikasi *TikTok* untuk menjual barang jenama itu. Selain foundation, saya juga jual gincu Magic Lipstick. Tak sangka pula, saya jadi perhatian di aplikasi itu hingga ramai yang nak membeli selepas menonton video pendek di *TikTok*. Tak menang tangan jadinya mencatit tempahan dan membuat pesanan barang," katanya.

Tanpa berselindung, Anissa mengakui rasa malu apabila namanya tular di *TikTok*.

"Rasa macam artislah ibaratnya. Tapi saya tetap Anissa yang dulu. Yang sentiasa nak buktikan diri ini juga boleh jadi sempurna macam orang normal lain."

"Dalam masa dua minggu, saya berjaya meraih jualan RM1700. Ia satu pengalaman menyeronokkan. Menjadi pengedar Nurraysa juga mendekatkan saya dengan insan baik di sekeliling," katanya.

## Dulu menangis bisnes gagal, kini Zoey berjaya kerana doa ibu

**PELAKON** Zoey Rahman atau nama sebenar Mohd Hairey Abdul Rahman, 37, mengaku pernah menangis di hadapan ibu, Azizah Ibrahim gara-gara produk jualannya itu tidak mendapat sambutan.

"Ramai tak tahu sebelum saya terkenal dengan perniagaan sekarang ini, saya pernah buat pelbagai bisnes lain lagi pada tahun 2016."

"Saya pernah jumpa mak mengadu dan menangis sebab tak ada orang beli baju yang saya jual, bayangkan stok bertimbun di pejabat."

"Kemudian saya bawa stok baju itu dan jual di Terengganu, saya buka gerai jualan di sana. Sebelum itu mak saya memang ada jual tudung di bazar Ramadan, jadi saya dapat bantu dia berniaga sekali," ujarnya.

Ceritanya lagi, ada juga yang bertanya adakah dia sebagai lelaki tidak malu menjual tudung.

"Bagi saya tak perlu malu sebab kita buat benda betul, nak bantu keluarga! *Alhamdulillah*, selepas melalui pelbagai dugaan, akhirnya hari ini saya dapat mencapai kejayaan atas semangat dari ibu!"

"Saya ingat lagi pesanan mak, butakan mata dengan halangan di depan dan pekakkan telinga dengan kata-kata caci. Itulah penguat untuk saya terus bangkit," katanya.

Sebelum itu menerusi Instagram, Zoey berkongsi rakaman video memberitahu kejayaannya hari ini adalah atas doa ibu dan keluarga tercinta.

Dalam pada itu, pengasas produk kosmetik Mika Series ini mengakui berpuas hati apabila kerja kerasnya selama ini membawa hasil dan dia dapat membala semula jasa ibu dan ayahnya.

"Dalam perniagaan ni tak boleh cepat putus asa, mungkin awalnya agak berliku tapi hujungnya ada kejayaan. Tapi ingatlah walaupun dah berjaya, keluarga jangan lupa sebab mereka kunci kejayaan dan tulang belakang kita," ujarnya lagi.



# DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

## IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA  
**wilayah Ku**

### KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE

26cm X 33cm  
**RM7,500**



HALF PAGE

26cm X 17cm  
**RM5,500**



QUARTER PAGE

12cm X 17cm  
**RM4,500**



PANEL PAGE

26cm X 6cm  
**RM4,500**

### KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]



FRONT BANNER

1080px X 96px  
**RM2,500**

MIDDLE BANNER

1080px X 280px  
**RM2,000**

MEDIUM RECTANGULAR

350px X 280px  
**RM1,500**

HALF PAGE

350px X 500px  
**RM1,000**

**50,000** naskhah akhbar **WILAYAHKU** diedarkan secara **PERCUMA** setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

## BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

**016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)**  
Operasi & Pemasaran

**03-8861 5260 (PEJABAT)**

Alamat:  
Aras 9, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah,  
62100 Putrajaya.

# Pernah ditolak permohonan kerja 10 kali Pemuda berkerusi roda bangkit ceburi bidang perniagaan produk makanan



HAZIRAH HALIM

**A**KIBAT kekurangan yang dialami, harapan pemuda berkerusi roda ini untuk bekerja di syarikat-syarikat tempatan tidak kesampaian setelah permohonannya itu ditolak 10 kali oleh majikan.

Bangkit mengatasi kekecewaan itu, **Rosheedy Faizal Roslan**, 36, atau lebih gemar disapa Sheedy membuat keputusan terbaik untuk cuba keluar mencari rezeki dan pekerjaan sendiri tanpa mengharapkan sumbangan bantuan daripada mana-mana pihak.

"Kebanyakan temu duga yang saya pergi, mereka mahu pekerja dalam kalangan Orang kurang Upaya (OKU) yang boleh bergerak dan tidak berkerusi roda. Tetapi, ada juga yang ingin ambil saya sebagai pekerja dan minta saya untuk menunggu panggilan sebaliknya tinggal harapan."

"Sejak peristiwa itu berlaku, saya mulai berasa putus asa dan tidak mahu lagi membuat permohonan atau mencari kerja dimana-mana syarikat. Walau bagaimanapun, saya berfikir sampai bila mahu bergantung harap dengan duit sumbangan daripada orang ramai, jadi adalah lebih baik jika saya keluar mencari rezeki tanpa terus mengharapkan

bantuan datang.

"Semasa sedang mencari kerja, secara tiba-tiba saya tergerak untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan yang mana ketika itu saya gunakan kesemua duit simpanan untuk dijadikan sebagai modal awal perniagaan," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Menurut Sheedy, hanya menggunakan kerusi roda sahaja, dia bergerak menjual pelbagai produk makanan seperti keropok, gula-gula dan biskut raya dengan meletakkannya di atas peha mengelilingi kawasan sekitar food truck, Bandar Tun Hussein Onn, Cheras selama empat bulan.

Berkat kesabaran dan kesungguhan anak muda ini, dia telah diberi peluang untuk menyertai program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) di bawah kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi terlibat di Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

"Selepas PKP, saya membuat permohonan untuk bermula di dalam program UAMK. *Alhamdulillah*, ia lulus dan kini sudah memasuki satu tahun menjalankan perniagaan di sini.

"Di sini, saya menjual pelbagai produk makanan seperti kerepek, coklat dan yang paling utama adalah biskut raya buatan sendiri (*homemade*) antaranya biskut

kacang, tart bunga, tart coklat cadburry dan banyak lagi dengan harga bermula RM13 hingga RM25.

"Dengan adanya peluang ini, banyak yang saya pelajari antaranya bagaimana teknik mempromosikan, memperluaskan perniagaan di samping mencari pengalaman bermula di dalam pusat membeli-belah," katanya.

Tambah Sheedy, kesihatan dan kekurangan yang dialami bukanlah penghalang buatnya berjaya sebaliknya kewangan adalah punca utama.

"Kalau kewangan mencukupi, sudah pasti saya boleh mengembangkan perniagaan ini ke luar negara.

"Banyak kritikan dan sindiran diterima dengan kekurangan ini tetapi saya endahkan sahaja kerana bagi saya perkara itulah yang membuatkan saya lebih bersemangat untuk berjaya dan memperluaskan perniagaan demi menangung kos rawatan, menyara kehidupan keluarga, diri sendiri serta menambah tabungan duit untuk perkahwinan," kongsinya lagi.

Berkongsi mengenai kesihatannya itu, Sheedy memberitahu dia sudah menjadi OKU sejak tahun 2010 akibat kesakitan *Qauda Equena Syndrome* di bahagian tulang belakang yang kini telah terhimpit dengan saraf



ROSHEEDY

tunjang sehingga pengaliran saluran menjadi luka dan tidak stabil.

"Saya tidak boleh bergerak dan berjalan lepas tangan seperti orang biasa. Kalau di rumah, saya hanya bergantung dengan

tongkat *walking frame* sahaja, di luar barulah saya pakai kerusi roda kerana masih tidak mampu berdiri stabil," kongsinya yang turut mengatakan harapannya kembali pulih seperti dahulu adalah 50-50.

W K

## INFOGRAFIK



### Alamat:

Bazaar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK), Tingkat 4, Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.

### Produk Jualan:

Kerepek, acar buah, biskut raya antaranya biskut kacang mazola, makmor, tart bunga, tart coklat cardburry.

### Harga Jualan:

**Kerepek:** RM10

**Biskut raya (50 biji):** bermula RM15 hingga RM35

**Acar Buah:** RM13

Untuk sebarang tempahan dan maklumat lanjut, hubungi : WhatsApp: 014-951 9259 (Rosheedy) atau 018-371 7152

Instagram: biscutbondag

Facebook: biscut bonda g



ROSHEEDY berpeluang mempromosikan secara langsung perniagaan biskut raya yang dihasilkan sendiri bersama ibunya di Bazaar Kreatif Usahawan Anak Muda Kota (UAMK).



ANTARA jenis biskut raya yang dijual oleh Rosheedy dengan harga bermula rm15 hingga rm35 sebakas.

# Sajian makanan Tahun Baru Cina




HAZIRAH HALIM

**T**AHUN Baru Cina datang kembali! Sambutan Tahun ini pastinya berbeza apabila masyarakat Malaysia khususnya kaum cina diberi peluang untuk meraikan perayaan ini bersama rakan-rakan, sanak saudara dan keluarga.

Menariknya edisi Wilayahku kali ini, kami kongsikan idea menu menarik yang boleh anda sajikan kepada tetamu daripada Datin Seri Shamsiah Md Yassin bersama Chef Hasna.

Raikan perayaan ini dengan pakaian berwarna merah serba cantik sambil menjamu hidangan istimewa ini. Gong Xi Fa Cai! Selamat menyambut Tahun Baru Cina! WK



## Ayam Kung Pao

AIR TANGAN BONDA  
DATIN SERI SHAMSIAH
**BAHAN-BAHAN**

Cashew nut  
2 sudu kicap manis  
1 sudu kicap masin  
1 sudu kicap cair  
1 sudu cuka  
1 sudu gula



Tepung jagung dibancuh

**BAHAN TUMISAN**

1/2 inci halia  
3 ulas bawang putih  
5 tangkai cili kering  
Daun bawang

**CARA PENYEDIAAN**

- Goreng cashew nut.
- Potong ayam dalam bentuk dadu. Gaulkan

dengan kicap cair, sedikit garam dan serbuk lada hitam atau putih.

- Kemudian, tumis semua bahan-bahan. Apabila sudah naik bau wangi, masukkan air banchuan kicap dan tepung jagung.
- Seterusnya, masukkan ayam dan cashew nut.
- Hiaskan ayam dengan daun bawang.



## Schezuan Sup



CHEF HASNA

**BAHAN A**

1 keping dada ayam  
1 liter air

**BAHAN B**

1/2 keping dada ayam  
2 titis minyak bijan  
1/4 sudu teh lada putih  
1/2 sudu kecik tepung ubi kayu

**BAHAN C**

1/2 blok tauhu  
1 keping black fungus  
1 biji cendawan segar  
1 tangkai cili merah  
1/2 batang lobak merah  
4 hiris halia  
4 hiris rebung segar  
1/2 paket cendawan enoki  
2 batang crab stick  
2 batang cili padi  
Tauhu  
Cendawan  
Cili  
Carrot  
Rebung  
Halia dihiris

**BAHAN D**

1/2 sudu kicap cair  
1/2 sudu kecil lada sulah  
2 sudu besar cili bean paste  
2 sudu besar cuka hitam  
1/2 sudu besar cuka epal  
1 sudu kecil garam  
1 sudu kecil serbuk perasa  
1 sudu kecil gula  
2 sudu banchuan tepung ubi  
1 biji telur

**CARA PENYEDIAAN**

- Panaskan minyak dan tumis halia hingga
- naik bau.

- Masukkan perapan isi ayam dan gorengkan.
- Masukkan air rebusan hingga mendidih
- Kemudian, masukkan lobak merah, rebung, black fungus, cendawan segar dan cendawan enoki.
- Apabila sudah mendidih masukkan kicap, lada putih, cili bean paste, cuka, gula, garam, serbuk perasa.
- Seterusnya, kacau rata

- dan masukkan cili hiris serta tauhu.
- Masukkan banchuan tepung ubi. Kacau sehingga rata.
- Tuangkan telur secara perlahan dan kacau hingga rata.
- Akhir sekali, masukkan isi ayam yang telah dicarik bersama crab stick.
- Tutup api dan Schezuan sup sedia untuk dihidang.

## Hidangan wajib Tahun Baru Cina

### Chang Shou Mian



SABRINA SABRE

**S**ETIAP kali sambutan perayaan sesuatu kaum, terdapat pelbagai makanan tradisional disediakan dan ditonjolkan kepada para pelancong. Ia sekali gus dapat memperkenalkan kepelbagaiannya makanan serta budaya yang terdapat di Malaysia.

Mencari resipi masakan Cina sempena perayaan Hari Cina ini?

Untuk itu, berikut edisi Wilayahku kali ini kongsikan kepada anda dua resipi masakan Cina yang boleh anda masak sempena perayaan hari Cina ini. Jom cuba! WK

**BAHAN-BAHAN**


500 gram mi telur kering/mi kuning  
200 gram udang  
1 cawan isi ayam  
1 mangkuk sawi  
1 cawan taugeh  
1/2 cawan carrot  
3 biji bawang merah  
5 ulas bawang putih  
1 sudu besar sos tiram  
1 sudu besar kicap manis  
1 sudu besar kicap masin  
1 ketul kiub ayam

**BAHAN-BAHAN**

1 sudu besar cili boh  
Gula  
Garam  
Minyak

**CARA PENYEDIAAN**

- Pecahkan bawang merah dan bawang putih.
- Panaskan minyak dalam kuali dan tumiskan bawang merah serta bawang putih yang diketuk-ketuk tadi sehingga sedikit kekuningan.
- Masukkan cili boh, kacau
- dan masukkan pula sos kicap manis, sos kicap masin, kiub pati ayam dan sos tiram.
- Seterusnya masukkan udang, ayam dan sebatikan.
- Kacau sehingga ayam dan udang masak, kemudian masukkan carrot.
- Masukkan mi telur kuning, kacau sebatin dan masukkan sayur-sayur tadi di atas api selama 4 minit.
- Sedia untuk dihidang.



## Kuih Bakul

**BAHAN-BAHAN**

500 gram tepung pulut  
190 gram gula pasir  
400 gram gula merah  
500 ml air  
200 ml santan  
Beberapa helai daun pisang

**CARA PENYEDIAAN**

- Masukkan gula pasir, gula merah serta air ke dalam periuk. Kacau sehingga larut dan biarkan sejuk.
- Kemudian, masukkan tepung pulut ke dalam mangkuk.
- Tuangkan larutan gula dan santan tadi ke dalam tepung pulut. Kacau sehingga sebatin.
- Masukkan adunan tepung pulut yang telah sebatin itu ke dalam kuali dan kacau sehingga adunan menjadi likat.
- Alas tin dengan daun pisang, pastikan daun pisang melebihi bahagian atas tin agar mudah mengikatnya di sekeliling tin.
- Didihkan air dalam periuk kukusan dan kecilkan api.
- Tuangkan adunan ke dalam tin yang telah dialas tadi.
- Penutup kukus hendaklah dibungkus dengan beberapa lapisan kain kasa/pembalut aluminium agar wap air tidak menitis ke atas kuih.
- Angkat kuih dan sejukkan.



# Empat filem menarik sempena Tahun Baru Cina



DIANA AMIR

**P**ERAYAAN Tahun Baru Cina bakal tiba tidak lama lagi. Lebih banyak kelonggaran diberikan pada tahun ini apabila aktiviti ziarah sudah dibenarkan dan merupakan berita baik buat mereka yang meraikannya.

Perayaan ini juga bermaksud cuti panjang bakal tiba. Bagi mereka yang tidak meraikannya dan tidak ke mana-mana boleh meluangkan masa menonton empat filem berbahasa cina ini. WK

## #1 Breaking Through



Pengarah: Wang Fang Fang  
Pelakon: Meiqi Meng, Yu Xia

**DILIHAKAN** oleh 'pecah sifar' China untuk pingat emas di Sukan Olimpik Musim Sejuk. Atlet China mula mengambil bahagian dalam olimpik musim sejuk pada tahun 1980-an namun gagal dalam percubaan mereka untuk merebut emas. Qin Shan mengumpulkan pasukan luncur laju trek pendek kebangsaan dengan Yang Fan sebagai wakil. Filem ini didedikasikan untuk Sukan Olimpik Musim Sejuk Beijing 2022. Jangan lupa untuk saksikan *Breaking Through* pada Tahun Baru Cina ini.



## #2 Vanguard

Pengarah: Stanley Tong  
Pelakon: Jackie Chan, Ruohan Xu, Yang Yang

**VANGUARD** merupakan sebuah organisasi keselamatan dari China yang berpangkalan di London. Ia ditugaskan untuk menjaga keselamatan rakyat China ketika berada di luar China. Tang Huating lakonan Jackie Chan merupakan ketua organisasi tersebut manakala Lei Zhenyu, Mi Ya dan Zhang Kaixuan merupakan agen mereka yang paling handal.

Qin Guoli pula adalah seorang aktaun yang bekerja untuk sebuah organisasi pengganas dan telah mendedahkan kedudukan ketua mereka kepada pihak Amerika yang kemudiannya telah mengebom dan membunuhnya. Kini anak kepada ketua pengganas itu yang bernama Omar ingin menuntut harta bapanya yang disorokkan oleh Qin. Mereka telah menculik Qin, namun diselamatkan oleh *Vanguard*. Kini mereka merancang untuk menculik anak perempuan Qin yang berada di Afrika. Adakah mereka akan berjaya atau mampukah *Vanguard* menghalangnya?



## #3 The Monkey King 3

Pengarah: Cheang Pou-soi  
Pelakon: Aaron Kwok, Zhao Liying

**AARON** Kwok kembali dalam filem epik pengembaraan ini sebagai Sun Wukong. Mengisahkan Tang Sanzang

bersama-sama tiga pengikutnya yang pergi ke negeri Xi Liang dimana kesemua penduduk di negeri tersebut adalah wanita dan mereka tidak pernah melihat lelaki sejak kewujudan negeri tersebut.



## #4 The Four Seas

Pengarah: Han Han  
Pelakon: Liu Haoran, Zhang Youhao

**KISAH** ini mengisahkan seorang pemandu lagak ngeri motosikal muda (Liu Haoran) yang memperbaharui hubungannya dengan bapanya dan bertemu dengan pasangan adik beradik kereta lumba dalam satu pertemuan secara kebetulan.

Mereka bertiga kemudian pergi dalam perjalanan jalan raya, di mana semua keseronokan bermula.

Merupakan salah satu filem Tahun Baru Cina yang paling dinanti-nantikan, *Four Seas* akan ditayangkan pada 1 Februari ini. Jangan lupa untuk tontonnya di pawagam berdekatan anda untuk mengetahui kesudahannya.



Program Singgah Santai diteruskan sehingga Oktober

# Permainan nostalgia di Muzium



KORESPONDEN  
KHAIRUL IDIN

**M**UZIUM Chimney mengajukan Program Singgah Santai yang mengetengahkan permainan nostalgia era 80 dan 90-an bagi menarik lebih ramai lagi pengunjung bagi menyemarakkan muzium yang dikenali sebagai pusat gedung ilmu.

Bagi mereka yang lahir sebelum tahun 2000, pasti sudah tidak asing dengan beberapa permainan nostalgia ini.

Dengan mengingat kembali berbagai permainan nostalgia ini tentu sahaja menjadi nostalgia kebahagiaan di masa kecil.

Menurut Ketua Muzium Chimney, **Nurlina Hamza**, pengajuan program dilaksanakan pada setiap hujung minggu itu bertujuan sebagai promosi awal bagi sambutan



NURLINA

tan ulang tahun Muzium Chimney ke-50 pada Oktober ini.

Katanya, dengan pengajuran program itu berfungsi sebagai tarian awal untuk menarik lebih ramai lagi pengunjung datang.

"Program ini dilaksanakan pada 18 December 2021 sehingga awal Januari tahun ini, berdasarkan sambutan yang memberangsangkan oleh itu kita telah membuat keputusan untuk meneruskan program ini setiap hujung minggu sehingga Oktober."

"Dalam program ini, pelbagai permainan nostalgia yang kami sediakan kepada pengunjung. Antaranya permainan congkak, senapang buluh, ceper (penutup botol), laga biji getah dan sebagainya."

"Sepanjang tempoh pengajuran program ini, sambutan daripada pengunjung amat memberangsangkan dan ia tentu sahaja menggamit memori nostalgia kepada mereka," katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.



GOLONGAN kanak-kanak turut bermain permainan nostalgia.

Dalam pada itu, Nurlina berkata pengajuran program itu dapat mengangkat dan memperkenalkan permainan nostalgia itu kepada generasi muda.

Katanya, generasi muda pada masa ini pasti kurang mengenali permainan zaman era 80, 90-an kerana mereka lebih terdedah kepada

permainan gadget mengikut pereferan masa yang semakin moden.

"Mempromosikan permainan nostalgia kepada golongan muda amat perlu agar ia tidak hilang ditelan zaman."

"Rata-rata generasi muda yang bersama-sama ibu bapa mereka datang ke sini dan mencuba permainan

ini mereka merasa keseronokan yang berbeza sekali gus dapat merapatkan hubungan keluargaan.

"Ibu bapa mereka sudah tentu mengenali serta tahu permainan nostalgia ini. Mereka pasti mengajak anak mereka untuk mencuba permainan itu dan anak mereka tentu sahaja merasai keseronokan yang berbeza berbanding bermain permainan gadget," katanya lagi.

Mengulas lanjut, beliau berkata dengan program itu diadakan, bilangan pengunjung yang datang ke Muzium Chimney mencatatkan peningkatan yang ketara berbanding sebelum ini.

Peningkatan pengunjung ke Muzium Chimney setelah program itu dilaksanakan mencapai kepada kira-kira 100 pengunjung daripada 20 pengunjung dalam satu hari.

"Setelah program ini dilaksanakan perbezaan pengunjung ke Muzium Chimney itu amat ketara. Hampir 80 peratus peningkatannya daripada sebelum ini."

"Ini adalah salah satu inisiatif kita bagi menarik para pengunjung untuk datang ke sini," katanya lagi. WK



RITHUAN pada sidang media, baru-baru ini.

## 30 program Hari Wilayah Persekutuan diadakan di Labuan

**S**EBANYAK 30 program bakal diadakan di pulau bebas cukai ini sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2022 mengikut prosedur operasi standard (SOP) norma baharu.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata, sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini bertemakan 'Keluarga Malaysia' #SHWP2022, #WilayahKita #OurCityOurHome.

Katanya, pelbagai program telah dirangka dengan pelaksanaannya akan diadakan pada setiap minggu sepanjang Februari ini.

"Walaupun sambutan diadakan dalam persekitaran

norma baharu, namun melalui pematuhan SOP COVID-19 dan kawalan semasa perhimpuan, sambutan kali ini akan lebih bermakna apabila kita dapat kembali meraikannya selepas dua tahun pandemik melanda."

"Sambutan SHWP2022 akan dimulakan dengan pertandingan Cabaran TikTok 2022 mulai dari 24 Januari hingga 28 Februari, diikuti aktiviti pencahayaan Wilayah Persekutuan pada 30 Januari hingga 28 Februari," katanya pada sidang media di Wisma Perbadanan Labuan, di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berkata program lain yang turut diadakan adalah pelancaran

pengibaran bendera Wilayah Persekutuan, bacaan surah Yassin dan doa selamat serta pameran Keluarga Malaysia, acara sukan dan muzik pada 5 hingga 28 Februari dan Kenduri Wilayah pada 24 Februari.

Selain itu, Rithuan turut memaklumkan pihaknya akan mengadakan kempen diskau penjualan kupon letak kereta dan diskau bayaran kompaun letak kereta pada 4 sehingga 28 Februari.

"Kempen ini akan dilaksanakan dalam tempoh satu bulan. Kita harap semua warga Labuan mengambil peluang ini untuk menyemak semula jika mempunyai kompaun," katanya lagi. WK

## Calon SPM 2021 SMK Pantai perlu buat persiapan rapi

**S**ERAMAI 175 orang pelajar SPM 2021 SMK Pantai IB World School (IBWS) terlibat dalam Program Sentuhan Kasih Pengetua Terhadap Calon SPM 2021 Siri 1 & 2 yang diadakan di dewan sekolah SMK Pantai IBWS, baru-baru ini.

Guru Unit Bimbingan dan Kaunseling, **Aman Rashiak** berkata tujuan utama program ini diadakan adalah untuk mengeratkan hubungan jiwa pengetua dengan calon SPM 2021.

"Program seperti ini sekali gus dapat mencetuskan semangat dan motivasi dalam murid serta mewujudkan persaingan sihat sesama murid," katanya yang juga pengajur program.

Katanya, Siri 1 program itu telah diadakan pada hari Jumaat (13 Januari 2022) yang melibatkan tiga kelas iaitu kelas 5 Caring, 5 Communicator dan 5 Reflective manakala Siri 2 pula

pada hari Isnin (17 Januari 2022) melibatkan pelajar dari kelas 5 Inquirer, 5 Thinker, 5 Principled dan 5 PVMA.

Penolong-penolong Kanan dan guru yang mengajar murid tingkatan 5 turut menghadiri program tersebut.

Turut diadakan ceramah motivasi dan pembentangan prestasi peperiksaan percubaan SPM 2021 oleh Pengetua SMK Pantai IB World School, Norazita Md Nor@Shamsuri.

Norazita berharap agar semua calon SPM 2021 dapat membuat persediaan rapi dari segi konten mata pelajaran, emosi dan motivasi dalam tempoh dua bulan terakhir menjelang SPM agar dapat mencapai kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM nanti.

"Dalam tempoh dua bulan ini, calon perlu membuat persediaan yang rapi di samping menjaga kesihatan menjelang SPM pada Mac depan," katanya. WK



CALON SPM 2021 SMK Pantai tekun mendengar taklimat yang disampaikan oleh pengetua.

# 15,530 unit bendera sempena SHWP 2022



AINI MAWAWI

**S**EBANYAK 15,530 unit bendera dan bunting dibekalkan oleh Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk dipasang dan diedarkan ke seluruh Putrajaya bagi menyemarakkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022.

Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya, **Jeffri Mustafa**, PPj telah melantik kontraktor untuk memasang 1,830 unit bendera dan bunting.

"Kita melakukan pemasangan di



JEFFRI

jalan raya, jambatan, kompleks milik PPj antaranya di Lebuh Perdana Barat, Jambatan Putra, Persiaran Utara, Dewan Serbaguna Presint 8 dan dari bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke Jambatan Seri Wawasan.

"Selain itu, kita juga membekalkan sebanyak 13,700 unit bendera dan bunting untuk diedarkan ke komuniti serta taman-taman awam di Putrajaya. Bukan itu sahaja, empat buah papan iklan besar di Putrajaya juga turut diserikan dengan bendera," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, PPj juga telah mengeluarkan surat pemakluman berkenaan kempen pemasangan bendera Wilayah Persekutuan kepada pemilik bangunan-bangunan komersil dan perniagaan di Putrajaya.

"Kita juga telah menghantar makluman melalui sistem pesanan ringkas atau SMS kepada semua pemilik lesen premis di Putrajaya dan dalam masa yang sama, PPj turut mempunyai unit pemantauan pemasangan bendera.

"Kakitangan di unit ini akan memastikan bendera yang dipasang kemas dan betul serta memantau dari semasa ke semasa bendera yang jatuh akibat tiupan angin dan hujan," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Mengulas lanjut tentang kempen kibar bendera Wilayah Persekutuan, Jeffri berkata, objektif utama PPj antaranya adalah bagi menyemai lagi semangat sayangkan Wilayah Persekutuan dalam kalangan warganya.

"Kita juga gembira dengan kerjasama serta penglibatan penduduk Putrajaya dalam menjayakan kempen tersebut. Ini dapat dilihat melalui pemasangan



BANGUNAN kerajaan turut digantung bendera Wilayah Persekutuan.

bendera dengan pelbagai cara.

"Ada yang pacak tiang-tiang bendera di sekitar kawasan perumahan dan boleh dikatakan

setiap rumah yang ada di sini tidak ketinggalan memasang bendera Wilayah Persekutuan," kata beliau.

WK

## Pameran vespa serikan Mini Karnival UAMK

**PELBAGAI** aktiviti menarik bakal dianjurkan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 antaranya Mini Karnival Usahawan Anak Muda Kota @ Presint 9 pada 12 dan 13 Februari ini.

Karnival yang akan diadakan di perkarangan Medan Selera Presint 9 tersebut akan disertai seramai 50 peniaga yang menjual barang seperti makanan kering, cenderamata, pakaian dan sebagainya.

Menurut Pengarah Bahagian Pelesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar, Perbadanan Putrajaya, **Jeffri Mustafa**, PPj juga akan membuka enam buah kios Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) di kawasan tersebut.

"*Insya-Allah* pada hari tersebut kita akan mengadakan perasmian pembukaan kiosk tersebut sekali gus sesi penyerahan kepada enam orang UAMK yang telah dikenal pasti," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, sesi penyerahan tersebut juga menandakan bermulanya operasi kios tersebut bersempena SHWP

2022.

"Mereka akan mula berniaga pada hari tersebut dan pada tahun ini juga, kita akan membuka sekurang-kurangnya 10 buah kios Usahawan Anak Muda Kota di kawasan lain antaranya empat buah kios di Laman Perdana," ujar beliau.

Selain daripada aktiviti jualan, karnival yang berlangsung selama dua hari yang sarat dengan pengisian itu juga turut diserikan dengan aktiviti seperti cabutan bertuah, senamrobik, mewarna dan sebagainya.

"Bagi yang berminat dengan motosikal klasik, kami turut mengadakan pameran vespa selain basikal BMX yang mana acara ini dijangka mendapat perhatian pengunjung sepanjang karnival berlangsung.

"Selain itu, kita juga akan bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) selain Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Putrajaya (MPPWP) untuk acara pertandingan memasak," ujar beliau lagi.



BURUNG ini merupakan salah satu daripada 202 spesies burung yang dijumpai di Putrajaya.

## Burung Kosa-Ular spesies terancam

**UNIK.** Ada juga menggelarnya burung ular kerana lehernya yang panjang seperti ular. Ketika mencari makan, tubuhnya berada di dalam air dan burung ini akan memerhati ikan seperti seekor ular.

Tahukah anda, biasanya burung ini pendiam tetapi apabila musim mengawan atau bertelur, keadaan akan menjadi riuh-rendah dengan bunyi seperti 'uk ukukukuk-errr uk-uk atau 'ok ok ok ok ukukukuk err rrer rub'.

Jika kekurangan ikan, ia juga memakan serangga dan tumbuhan

yang mengandungi banyak protein. Biasanya selepas menangkap ikan, burung ini akan melambung ikan ke udara beberapa kali bagi memudahkan ia menelan bahagian kepala ikan dahulu.

Haiwan ini dianggap spesies terancam dan mengikut laporan *The IUCN Red List of Threatened Species 2016*, hanya tinggal kira-kira 22,000 Burung Kosa-Ular di seluruh dunia.

**Sumber:** Coffee Table Book Bird Haven Unggas Putrajaya

# Putrajaya dilimpahi cahaya

AINI MAWAWI  
FOTO FARIS AZMI PPJ

**B**ERSEMPENA Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 dan Bulan Pencahayaan Peringkat Putrajaya, pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan Putrajaya diserikan dengan limpahan cahaya berwarna-warni.

Cahaya indah dipancarkan di Jambatan Seri Saujana dan Jambatan Seri Wawasan yang merupakan antara mercu tanda Putrajaya selain di struktur bangunan, air pancut dan sebagainya.

Pelancaran SHWP 2020 dan Bulan Pencahayaan yang diadakan pada 26 Januari lalu bertempat di Tangga Putrajaya disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim.

Persembahan *Projection Mapping* di tangga ikonik pada malam tersebut menjadi antara aktiviti yang ditunggu-tunggu oleh warga Wilayah Persekutuan.

Keindahan dan ketenangan yang muncul dari suasana yang biasa diadakan sempena perayaan penting di Malaysia mewujudkan rasa *sense of belonging* sebagai warga Wilayah untuk terus menyumbang kepada Wilayah Maju Sejahtera. **WK**



# Larian Bendera WP dan Queen's Baton semarak SHWP 2022

DIANA AMIR  
FOTO MSWP

**S**AMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2022 yang bakal berlangsung Februari ini diserikan dengan Larian Bendera Wilayah Persekutuan dan Queen's Baton yang dianjurkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

Larian sejauh 10 kilometer pada Ahad lalu bermula di Menara Seri Wilayah sebelum berakhir di Kompleks Perbadanan Putrajaya (PPJ) tepat pukul 9 pagi.

Menariknya Larian Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan bagi menyemarakkan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan diadakan bersamaan dengan Larian Queen's Baton yang kini berada di Malaysia bersempena Sukan Komanwel 2022 di Birmingham yang akan diadakan pada 28 Julai sehingga



THOMAS (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Pesuruhjaya Tinggi British, Charles Hay selepas menamatkan Larian Bendera WP dan Queen's Baton di Kompleks Perbadanan Putrajaya, pada Ahad lalu.

8 Ogos 2022.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Parang Abai@Thomas, semasa SHWP 2022, KWP menerusi MSWP bakal mengajurkan keseluruhan tujuh program sukan di Wilayah Persekutuan Kuala

Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"Antara aktiviti yang bakal diadakan adalah Sukan Low Carbon (ekstrem), Sepak Takraw, Sukan Paintball, Futsal, Muay Thai dan Karnival Sukan Pantai Labuan yang mana kesemuanya diadakan bagi memeriahkan SHWP 2022," ujarnya.

Dalam pada itu, seramai 17 atlet dan jurulatih yang pernah merangkul pingat pada Sukan Komanwel dipilih untuk menyertai acara larian tersebut secara bergilir-gilir di sepanjang lima checkpoint.

"Putrajaya mengalau-alukan ketibaan Queen's Baton bersempena Sukan Komanwel 2022 Birmingham dan saya dimaklumkan baton ini bakal merakamkan imej di sepanjang laluannya ke 72 negara Komanwel dalam tempoh 294 hari.

"Saya berharap seluruh dunia dapat menyaksikan keindahan Putrajaya dan secara tidak langsung mempromosikan Wilayah Persekutuan menerusi larian yang diadakan ini," ujarnya lagi.

Terdahulu, larian yang menghimpunkan kira-kira 50 atlet, jurulatih beserta wakil KWP dan agensi tersebut turut disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaysia, Charles Hay yang menyerahkan Queen's Baton kepada Thomas sebagai simbolik kepada acara tersebut. **WK**

## Program Sukan SHWP 2022

**23 Januari**  
Larian Bendera Wilayah Persekutuan dan Queen's Baton di Putrajaya

**4, 5 & 6 Februari**  
Sukan Sepak Takraw di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya

**12 Februari**  
Sukan Low Carbon (Ekstrem) di Skate Park, Bukit Kiara, Kuala Lumpur

**13 Februari**  
Sukan Futsal di Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18, Putrajaya

**19 Februari**  
Sukan Paintball di Padang Bola Sepak Taman Titiwangsa, Kuala Lumpur

**19 Februari**  
Sukan Futsal di Futsal Tanjung Purun, Labuan

**25, 26 & 27 Februari**  
Sukan Muay Thai di Stadium Titiwangsa Kuala Lumpur

**26 & 27 Februari**  
Karnival Sukan Pantai Labuan di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

## Atlet Wilayah Persekutuan sedia menanti SUKMA 2022

HAZIRAH HALIM

**BIARPUN** keputusan rasmi tarikh dan lokasi Sukan Malaysia 2022 (SUKMA) masih belum diputuskan namun persediaan atlet Wilayah Persekutuan untuk menghadapi temasya tersebut berjalan seperti biasa.

Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Dr Hasnul Faizal Hushin Amri berkata, kesemua 700 atlet yang bakal bertanding perlu meneruskan latihan seperti biasa sama ada temasya ini berlangsung maupun tidak.

"Sama ada SUKMA diadakan atau tidak, latihan tetap diteruskan," ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya persiapan kontingen sudah pun bermula sejak dua tahun lalu selepas berakhirnya SUKMA Perak pada September 2018.

"Persediaan ini sebenarnya untuk menghadapi kejohanan pada SUKMA 2020 di Johor namun disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia ditangguhkan kepada tahun ini," katanya lagi.

Ujarnya, bagi menguatkan latihan kecerdasan fizikal dan mental atlet, MSWP melantik



HASNUL FAIZAL



LARIAN bermula di Menara Seri Wilayah dan berakhir di Kompleks Perbadanan Putrajaya.

103 orang jurulatih berkuat kuasa pada 1 Januari lalu.

"Tarikh pelaksanaan kejohanan masih dikekalkan pada Jun, Julai dan Ogos tahun ini namun ia tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA.

"Di pihak MSWP, kita masih berpegang pada Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi. Buat masa ini, lokasi dan tarikh sebe-

nar masih belum diketahui," ujarnya.

Mengulas berkenaan acara yang akan dipertandingkan, Hasnul berkata, setakat ini 31 jenis sukan tersenarai namun keputusan akhir akan dibuat oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM).

"Ia mungkin boleh berkurang atau dikekalkan. Sekiranya pengurangan itu berlaku, ia akan turut menjelaskan barisan atlet memandangkan sebahagian mereka akan digugurkan daripada pasukan," jelasnya. **WK**



NURUL Izzah (tengah) antara atlet wilayah yang terlibat dalam Larian Bendera Wilayah Persekutuan dan Queen's Baton.



LARIAN sejauh 10 kilometer ini melibatkan lima checkpoint.

Cipta kejayaan sukan kanu di temasya Olimpik

# Nazrin mahu ikut jejak Salahuddin Ayob

AINI MAWAWI

**A**TLET kanu Wilayah Persekutuan, Mohamad Nazrin Najib, 21, menyimpulkan hasrat untuk melayakkan diri dalam Sukan Olimpik sekali gus mengikut jejak langkah atlet slalom negara, Salahuddin Ayob yang berjaya ke temasya tersebut pada tahun 1996.

Katanya kepada *Wilayahku*, bagi mencapai hasrat tersebut dia kini sibuk menjalani latihan dengan lebih sistematik supaya berpeluang mengikuti kejohanan-kejohanan besar di luar negara.

"Lagi dua minggu saya akan terlibat dalam sesi pemilihan untuk tiga acara iaitu kanu polo, slalom dan dragon boat (perahu panjang) untuk kejohanan Sukan Asia yang akan berlangsung di China hujung tahun ini.

"Kalau berjaya terpilih untuk ketiga-tiga acara tersebut, saya terpaksa memilih salah satu darinya kerana ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap satu-satu acara," ujar pelajar Diploma Pengajian Sukan, Universiti Teknologi Mara ini.

Bercerita lanjut tentang sukan yang diminatinya itu, anak tunggal ini berkata sukan kanu perlu diberi pendedahan yang lebih me-



NAZRIN mahu perbaiki kelemahannya dalam sukan kanu.

luas kepada anak-anak muda agar mereka tahu tentang kewujudannya di Malaysia.

"Sukan ini amat popular di luar negara. Saya rasa jika adanya pendedahan kepada pelajar di peringkat awal, maka tidak mustahil ramai yang berminat sekali gus kita berjaya mencari atlet pelapis," ujarnya.

Katanya lagi, atlet kanu di negara ini juga perlu diberi peluang untuk menjalani latihan di luar ne-




**ATLET  
WILAYAH**

gara memandangkan atlet luar dilihat lebih agresif dan berprestasi tinggi berbanding atlet dalam negara.

"Di luar negara kemudahan sukan ini lebih lengkap berbanding negara kita yang hanya mempunyai beberapa lokasi sahaja untuk latihan.

Contohnya di negara luar turut dibina sungai tiruan untuk tujuan latihan.

"Jadi tidak hairanlah kenapa mereka jauh lebih bersedia ber-



NAZRIN harap Malaysia memiliki sungai tiruan untuk latihan kanu.

banding kita. Ketika berpeluang ke sana pada Kejohanan Sukan Asia 2018, saya dapat merasakan prestasi diri jauh ketinggalan berbanding atlet luar," ujarnya.

Pun begitu, menurutnya itu bukanlah alasan untuk tidak menyerlah dalam sukan ini. Malah kelemahan yang ada akan dijadikan penguat semangat bagi memburu kejayaan yang diidamkan sekian lama. WK

## Pencapaian Mohamad Nazrin

2019 Piala Asia Kanu, Deqing, China - Tempat kedua

2018 Sukan Asia Kanu Slalom, Palembang - Tempat ke-15 (Single)

2017 Kejohanan Asia Kanu Polo, Batu Pahat, Johor - Tempat ketiga

# Kejohanan berpasukan Badminton Asia bulan hadapan

**BADMINTON** Asia mengesahkan bahawa Kejohanan Berpasukan Badminton Asia (BATC) 2022 akan berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City di Selangor dari 15 hingga 20 Februari.

Badminton Asia menyatakan edisi keempat BATC yang juga menjadi kejohanan kelayakan untuk Piala Thomas dan Uber 2022 di Bangkok akan dianjurkan oleh Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan kerajaan negeri Selangor.

"BAM akan menggunakan

protokol kesihatan yang ketat mengikut standard Persekutuan Badminton Dunia (BWF) dan peraturan ditetapkan kerajaan Malaysia. Pemain dan pegawai dari seluruh Asia akan menyertai dan bertanding untuk gelaran pasukan terbaik di Asia," menurut kenyataan Badminton Asia.

Badminton Asia yakin dengan kejayaan penganjuran kejohanan itu, daripada pengalaman yang didapat daripada dua siri kejohanan pada 2021 dalam keadaan pandemik COVID-19, iaitu tiga

kejohanan di Thailand pada awal tahun dan Festival Badminton Indonesia pada hujung tahun, kedua-duanya dilangsungkan dalam sistem gelembung.

Persatuan Badminton Thailand (BAT) telah menganjurkan Terbuka Thailand Yonex, Terbuka Thailand Toyota dan Jelajah Akhir BWF pada Januari, manakala Persatuan Badminton Indonesia (PBSI) menjadi tuan rumah kepada Masters Indonesia, Terbuka Indonesia dan Jelajah Akhir BWF, pada hujung tahun lepas. - BERNAMA



BATC 2022 bakal berlangsung di Selangor.



SHAHRUL (kiri) ketika bertemu Muhamad Shah Firdaus.

## CDM Sukan Komanwel lawat ISN

KETUA kontinen negara (CDM) ke Sukan Komanwel 2022 Datuk Shahrul Zaman Yahya turun padang melawat Institut Sukan Negara (ISN) untuk melihat kemudahan disediakan kepada atlet yang akan beraksi di Birmingham nanti.

Beliau turut berkongsi rasa teruja dengan kemudahan disediakan untuk atlet, selain memuji kemudahan ISN yang bertaraf dunia dan pegawai serta kakitangan sentiasa komited bagi memastikan atlet berada pada tahap terbaik.

Dalam lawatannya itu, Shahrul Zaman berkesempatan bertemu

dengan jaguh berbasikal trek Muhamad Shah Firdaus Sahrom dan rakan-rakan seperjuangannya yang sedang melakukan pemeriksaan kesihatan.

"Beliau (Muhamad Shah Firdaus) berada dalam keadaan yang baik serta tidak sabar untuk kembali berjuang untuk negara. Saya telah meminta beliau untuk terus gigih berlatih serta sentiasa menjaga diri supaya terhindar daripada pandemik COVID-19 yang masih melanda negara," katanya.

Sukan Komanwel 2022 dijadual berlangsung bermula 28 Julai hingga 8 Ogos depan. - BERNAMA